



Pelita Brunei

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.55 | SUBUH 5.05 | SYURUK 6.22 | DUHA 6.44 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.31 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.39

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 37

26 MAC 2025 / 1446 25 رمضان

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEMERDEKAAN REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin dan kerajaan serta rakyat Republik Rakyat Bangladesh bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin.

Imbangan perdagangan meningkat sebanyak 40.2 peratus

Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac. - Imbangan perdagangan pada bulan Januari 2025 meningkat sebanyak 40.2 peratus kepada BND516.9 juta, berbanding Disember 2024.

Peningkatan ini adalah disumbangkan oleh nilai eksport sebanyak 6.4 peratus kepada BND1,229.5 juta, manakala nilai import menurun sebanyak 9.4 peratus kepada BND712.6 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah Bahan Api Galian sebanyak 76.4 peratus, diikuti oleh Bahan Kimia sebanyak 21.7 peratus dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 0.8 peratus.

Demikian antara yang dipaparkan dalam Siaran Akhbar oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik mengenai Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa Negara Brunei Darussalam bagi Januari 2025.

>> Muka 11

Skim Agihan Zakat bantu ringankan perbelanjaan asnaf fakir miskin, mualaf

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac. - Sejumlah BND2,525,067.39 telah diperuntukkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi Agihan Zakat Wang Tunai kepada asnaf fakir miskin dan mualaf menjelang Hari Raya Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Peruntukan berkenaan diambil daripada hasil Kutipan Zakat Fitrah dan Zakat Harta yang dibayar oleh para *muzakki* (pembayar zakat) di negara ini sepanjang Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang keseluruhannya adalah berjumlah sebanyak BND21,196,760.79.

Daripada jumlah berkenaan sejumlah BND1,108,117.39 akan diagihkan kepada seramai 11,453 orang asnaf fakir miskin

(termasuk Senarai Lewat) terdiri daripada 2,257 ketua keluarga dan 9,196 orang tanggungan.

Manakala sejumlah BND1,416,950 akan diagihkan kepada seramai 2,813 orang asnaf mualaf (termasuk Senarai Lewat) terdiri daripada 2,503 ketua keluarga dan 310 orang tanggungan.

Agihan Zakat Wang Tunai kepada asnaf fakir miskin dan mualaf menjelang Hari Raya Tahun 1446H / 2025M akan dikreditkan ke akaun-akaun bank penerima sebelum menjelangnya Hari Raya Aidilfitri 1446H/2025M nanti.

>> Muka 3

Bantu ringankan beban golongan memerlukan

Oleh : Khartini Hamir

TUTONG, Selasa, 25 Mac. - Sebanyak lima buah keluarga di daerah ini menerima sumbangan berbentuk kewangan dan barang keperluan asasi dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui Program Ihsan YSHHB sempena bulan

Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi, pagi tadi.

Program berkenaan juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

>> Muka 5

MANISNYA IMAN ایمان

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa berdiri dengan sembahyang dan ibadat pada malam Lailatulqadar dengan iman dan *ihtisab* iaitu dengan keyakinan yang sempurna dan harapan yang ikhlas untuk memperoleh ganjaran-Nya nescaya akan diampunkan dosa-dosanya yang lalu".
- (Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari)



Berita Utama



MENGANGKAT, memperkasa dan menanamkan semangat cintakan bahasa

Muka 4



SUMBANGAN gembirakan warga Pusat Ehsan

Muka 7



REBUT peluang 10 malam terakhir dengan menggandakan amal ibadat

Muka 17



BERTANGGUNGJAWAB, berjimat dalam penggunaan air elak pembaziran

Muka 21

JADIKAN AL-QURAN SEBAGAI PANDUAN HIDUP

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah sempena Sambutan Nuzul Al-Quran (kanan), manakala gambar atas, Ceramah Khas disampaikan oleh Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac. – Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat hari ini mengadakan Majlis Ceramah sempena Sambutan Nuzul Al-Quran, bertempat di Bangunan Dewan Majlis.

Majlis berkenaan bertujuan memperingati peristiwa agung penurunan Al-Quran, di samping penghayatan peristiwa berkenaan sebagai panduan hidup dalam membentuk peribadi yang berakhhlak mulia.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis berkenaan, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Ceramah Khas sempena

sambutan berkenaan disampaikan oleh Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit, dengan mengetengahkan tema 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'.

Ceramah berkenaan menekankan kepentingan mendidik diri untuk menjadi umat yang baik melalui penjagaan solat, memperbaiki amalan harian serta meneladani akhlak yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang kesemuanya berpandukan kepada ajaran Al-Quran.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	RABU	25	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39
27	KHAMIS	26	4.54	5.04	6.21	6.44	12.27	3.30	6.30	7.39
28	JUMAAT	27	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39
29	SABTU	28	4.53	5.03	6.21	6.43	12.26	3.28	6.30	7.39
30	AHAD	29	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.39
31	ISNIN SYAWAL	*1	4.52	5.02	6.20	6.42	12.26	3.26	6.29	7.38
1 APRIL	SELASA	2	4.52	5.02	6.19	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
30 °C	31 °C	31 °C
24 °C	25 °C	25 °C
Pejabat		
30 °C	31 °C	31 °C
24 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
30 °C	31 °C	31 °C
24 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
30 °C	31 °C	31 °C
24 °C	25 °C	25 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
www.met.gov.bn		

SIDANG PENGARANG

Sambut Hari Raya dengan bersederhana

KITA sekarang berada dalam minggu terakhir bulan Ramadan dan tidak lama lagi kita akan menyambut bulan Syawal dan dengan itu menyambut Hari Raya Aidilfitri. Hari iaitu hari kemenangan bagi semua umat Islam setelah 'berperang' untuk menentang hawa nafsu dengan melakukan ibadah puasa selama sebulan.

Dalam menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri, sebagai umat Islam kita disarankan untuk menyambutnya secara sederhana kerana ia akan lebih bermakna kerana ia akan membolehkan kita menikmati perayaan dan keberkatan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh tanggungjawab, mengelakkan keterlaluan dan kemewahan, sambil tetap menghargai kegembiraan sambutan di samping itu tidak lupa kepada mereka yang dalam kesusahan.

Hari Raya Aidilfitri adalah masa untuk menyambut usaha kita dalam memperbaiki diri serta memperbaikkan ibadah di bulan Ramadan. Ia adalah peluang untuk kita menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'alaa atas nikmat-Nya. Antara cara untuk kita menzahirkan kesyukuran ini ialah dengan bersederhana dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Walaupun Hari Raya adalah masa untuk bermurah hati, janganlah kita berbelanja dengan berlebihan atau membazir. Kita perlu beringat untuk meraikan Hari Raya mengikut kemampuan masing-masing dan prihatin akan mereka yang memerlukan. Dalam kita berkongsi kegembiraan dengan acara-acara seperti rumah terbuka yang selalu diadakan untuk ahli keluarga, rakan-rakan, jangan kita lupa kepada mereka yang kurang berasih baik.

Kita perlu beringat untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membawa kepada keterlaluan yang boleh dianggap membazir atau boleh mengganggu keharmonian perayaan. Islam menitikberatkan kesederhanaan dalam semua aspek kehidupan dan ini juga termasuk perayaan. Ada baiknya kita renungkan erti Hari Raya dan bagaimana kita boleh menghayati maknanya sebenar. Sambutlah Hari Raya secara sederhana dan berhemah. Sesungguhnya agama Islam sangat menganjurkan umatnya untuk sentiasa mengamalkan kesederhanaan dan melarang melakukan pembaziran.

Allah Subhanahu Wata'alaa mengingatkan bahawa orang yang membazir itu adalah bersaudara dengan syaitan. Allah Subhanahu Wata'alaa berfirman dalam Surah Al-Israa', ayat 26-27 tafsirnya : "Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engku membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu". - Ketua Penyuntingan (Nr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SKIM AGIHAN ZAKAT BANTU RINGANKAN PERBELANJAAN ASNAF FAKIR MISKIN, MUALAF

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Agihan Zakat Wang Tunai Kepada Asnaf Fakir Miskin dan Mualaf dengan diselajurkan dengan Majlis Iftar telah diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Skim Agihan Zakat berkenaan adalah bertujuan bagi membantu meringankan perbelanjaan dan persiapan asnaf fakir miskin dan mualaf bagi menyambut Hari Raya Tahun 1446H / 2025M nanti.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Agihan Zakat Wang Tunai Kepada Asnaf Fakir Miskin dan Mualaf dengan diselajurkan dengan Majlis Iftar telah diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, lewat petang tadi.

Penyerahan Agihan Zakat Wang Tunai berkenaan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua MUIB.

Sejumlah BND36,515.07 agihan zakat wang tunai telah diserahkan kepada 112 penerima yang terdiri daripada 97 asnaf fakir miskin dan 15 asnaf mualaf dari Daerah

Brunei dan Muara. Turut hadir dan menyaksikan majlis penyerahan berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu dan Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Di dalam menuaikan kewajipan ibadah berpuasa pada minggu terakhir bulan Ramadan 1446H ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal sukacita menyeru dan mengingatkan kepada semua umat Islam di negara ini untuk menuaikan kewajipan membayar zakat fitrah kepada amil-amil bertaullah yang telah dilantik

mengikut kawasan-kawasan seluruh negara sebelum terluput waktu membayar Zakat Fitrah.

Bayaran Zakat Fitrah juga boleh dibayar secara dalam talian 'online' menggunakan platform perbankan di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan juga melalui aplikasi syarikat telekomunikasi Datastream Digital (DST) dan Imagine Sdn. Bhd. di sepanjang bulan Ramadan 1446H.

RB adakan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran berlangsung di Masjid Kampung Pelambayan (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir menyertai majlis tersebut.

KAMPUNG PELAMBAYAN,
Selasa, 25 Mac. - Syarikat Penerangan Diraja Brunei (RB) menerusi acara Tadarus Al-Quran bersempena bulan Ramadan pada tahun ini, meraikan rombongannya seramai 38 staf pada Majlis Khatam

Al-Quran berlangsung di Masjid Kampung Pelambayan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid juga selaku Pengerusi

RB.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Timbalan Pengurus RB dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Awang Sabirin bin Haji Abdul Hamid.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat juga menyampaikan sumbangan wakaf daripada staf RB kepada Ketua Imam Masjid Pelambayan, Awang Haji Aminuddin bin Haji Puteh iaitu berupa televisyen X2, CCTV dan juga kerusi dan meja manakala barang wakaf selebihnya iaitu pemasangan atap / awning bagi kawasan tempat berwuduk masjid tersebut.

Terdahulu, acara dimulakan



dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran beramai-ramai bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas dan seterusnya bacaan Takhtim oleh kakitangan RB.

Doa Khatam dibacakan oleh Pengurus Badan Kebajikan RB, Awang Md. Abdillah bin Haji Awang Damit dan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Haji Aminuddin.

Kapten Awang Sabirin menjelaskan, bersempena meriah keberkatan Ramadan ini, pihak RB berpeluang untuk menzahirkan sokongan dan memupuk pemeliharaan kepada golongan yang kurang upaya dan seterusnya mencerminkan nilai menyatupadukan dan mengukuhkan lagi sesama komuniti.

Menerusi usaha kolektif RB, beliau berharap dapat memberikan sumbangan positif dan berbangga atas penyerahan pasukan RB yang komited bagi inisiatif yang mulia ini.

Dalam kita akan meraikan lebaran Aidilfitri ini, marilah kita sama-sama mengingati akan kepentingan kebaikan, kebersamaan dan kesyukuran dalam kehidupan kita.

Adapun acara anjuran Jawatankuasa Kebajikan dan Keagamaan RB itu merupakan program tahunan bagi membantu golongan kurang berkemampuan dan juga anak-anak yatim sebagai komitmen berterusan RB terhadap tanggungjawab sosial kepada masyarakat sekali gus menyerlahkan nilai teras syarikat penerangan iaitu kemesraan, prihatin dan perpaduan.



Khatam Al-Quran raikan rombongan Tadarus KHEU

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang mengikuti acara Tadarus Al-Quran bersempena menyemarakkan bulan Ramadan Al-Mubarak pada tahun ini diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran bagi menandakan sempurnanya tadarus daripada para pegawai dan kakitangan KHEU di masjid-masjid seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran

Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Ketua Unit Da'wah, Daerah Belait, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Awang Haji Muskrisman Safari



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.

dalam Tadabbur Surah An-Nas yang disampaikan antara lain menerangkan, Surah An-Nas yang mempunyai enam ayat berkenaan diturunkan di Mekah dan merupakan perintah Allah kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya memohon perlindungan kepada Allah semata-mata daripada segala kejahanan syaitan, jin dan manusia.

Surah berkenaan juga menjelaskan tiga sifat bagi Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu Rububiyyah bermaksud Tuhan pencipta dan pentadbir sekalian alam, Ilahiyyah bermaksud Tuhan yang diabadikan diri kepada-Nya dan berhak disyukuri dan Malakiyyah iaitu penguasa.

Selain itu jelaskan, surah

berkenaan menjadi amalan Baginda Rasulullah sebelum tidur, yang mana Baginda akan membaca Surah Al-Ikhlas, Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas kepada telapak tangan dan dihembuskan dan meratakan ke seluruh badan.

Surah berkenaan juga tambahnya, menjelaskan bahawa was-was yang dibisikkan oleh syaitan kepada orang-orang yang beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah sehingga menimbulkan kekeliruan.

Oleh yang demikian, Awang Haji Muskrisman Safari menyeru, marilah kita selaku umat Islam untuk sentiasa berlindung daripada kejahanan sama ada jin dan manusia kerana manusia itu ada berakhlik seperti iblis dan syaitan sehingga sanggup membuat kerosakan kepada manusia yang lain.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan Khatam Al-Quran yang

dibawakan oleh pegawai-pegawai Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid dan Pejabat Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, KHEU.

Doa Khatam Al-Quran dipimpin oleh Imam Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Suhif@Syu'aib bin Haji Abdullah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Rombongan Tadarus pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan mengadakan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara sempena bulan Ramadan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada Jumaat, 28 Mac ini nanti.



MENGANGKAT, MEMPERKASA DAN MENANAMKAN SEMANGAT CINTAKAN BAHASA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika hadir pada acara Baca Bahana sempena Hari Puisi Sedunia (atas), manakala gambar kanan, sebahagian yang ikut serta pada acara tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah dan Kumpulan PUTRA Seni selaku pengajur bersama mengadakan Baca Bahana bersempena Hari Puisi Sedunia yang disambut pada 21 Mac setiap tahun. Baca Bahana merupakan projek pengapresiasi karya-karya kreatif dalam majalah Bahana yang dipersenangkan di ruang pentas seni secara maya.

Penyertaan acara ini dibuka kepada penulis dan penggiat seni di dalam dan luar negara. Siri Baca

Bahana pada kali ini mengangkat tema 'Indahnya Ramadhan' dan sajak-sajak yang dibacakan terdiri daripada sajak-sajak Ramadhan sebagai salah satu cara untuk menzahirkan rasa kesyukuran dan mengimarahkan bulan Ramadhan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, diikuti tayangan video dan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Baca Bahana kali ini menampilkan seramai 18 orang



penggiat seni daripada beberapa buah negara.

Dari Brunei Darussalam menampilkan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman (Badaruddin H.O.), Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (MZM), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan (Idlan Adley), nurFik

Brunei, Brahim AHT, Zefri Ariff Brunei, H.Mar, Morsidi M.H., Aminah Momin, Noorhamy, Izzah Insyirah dan MKHAY. Dari Indonesia menampilkan Profesor Dr. Yulianeta. Dari Malaysia menampilkan Jasni Matlani dan Muhammad Lutfi Ishak, manakala dari Singapura menampilkan Afi Hanafi dan Farihan Borhan.

Baca Bahana kali ini juga menampilkan pembaca dari India, Dr. Perwaiz Shaharyar dan pembaca dari Mesir, Ashraf

Aboul-Yazid.

Pengukuhannya Baca Bahana ini diharap dapat menjalin hubungan ukhuwah dan menyatukan para penggiat dan peminat sastera tanah air dan luar negara, memelihara seni sastera dan bahasa, memperkenalkan karya penulis tempatan ke persada antarabangsa selain mengangkat, memperkasa dan menanamkan semangat cintakan bahasa serta menyemarakkan aktiviti seni secara maya.

Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena Bulan Ramadan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi

Daerah Tutong

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Hadir bagi menyempurnakan sumbangan berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Selasa, 25 Mac. - Bagi memberikan keceriaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengendalikan Program Ihsan YSHHB di beberapa buah kampung di keempat-empat

daerah, hari ini.

Sumbangan berbentuk kewangan dan makanan, dan sebahagian keperluan perubatan diserahkan kepada sebanyak 150 buah keluarga terdiri daripada warga emas dan golongan yang memerlukan bantuan di seluruh

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyampaikan sumbangan kepada para penerima pada Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Daerah Tutong (kanan dan bawah kiri).

Rombongan berkunjung ke kediaman para penerima yang terdiri daripada warga emas serta golongan yang memerlukan dari Kampung Serambangun, Kampung Penanjong, Kampung Bukit Panggal, Kampung Luagan Dudok dan Kampung Sebatang Sentol.

Sumbangan menerusi Program Ihsan YSHHB berkenaan diharap dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan di bulan Ramadan.

Dengan ini, mereka juga dapat menjalani ibadah puasa dengan lebih sempurna serta merasai kegembiraan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

YSHHB sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

negara melalui Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi tahun ini.

Bagi Daerah Belait, rombongan yang diketuai oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB telah menyampaikan sumbangan kepada 20 keluarga di daerah berkenaan.

YSHHB sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Program ini juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

Sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB ini bertujuan bagi membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.



Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda dalam sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Pada hari ini, YSHHB telah menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND139,300, disertai dengan

sumbangan berbentuk makanan asasi, kuih-muih dan minuman ringan kepada 150 keluarga yang terdiri daripada warga emas serta golongan yang memerlukan di seluruh negara.

Selain itu, YSHHB juga turut menyumbangkan peralatan keperluan pesakit, khususnya bagi warga emas sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam menyantuni golongan yang memerlukan.

Daerah Belait



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB menyampaikan sumbangan kepada para penerima di Daerah Belait (atas kanan dan kanan).



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu adalah hari terakhirnya menaiki basikal.

Lelaki, 49 tahun



Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya

[mkkjrbrunei](#) [www.mkkjr.gov.bn](#)

Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena Bulan Ramadan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac.- Sejumlah BND139,300 secara keseluruhannya yang berbentuk kewangan dan makanan disumbangkan kepada 150 buah keluarga, terdiri daripada warga emas dan golongan yang memerlukan bantuan di seluruh negara melalui Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang dilaksanakan di keempat-empat daerah, hari ini.

Sehubungan itu, hadir bagi mengetuai rombongan di Daerah Brunei dan Muara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Penyerahan dimulakan dengan mengunjungi tempat kediaman Dayang Zainun binti Haji Ramli bertempat di Kampung Katok, Jalan Tungku diikuti dengan penyerahan di kediaman Awang Hasrin dan Mohd. Mahadi yang



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hadir mengetuai rombongan di Daerah Brunei dan Muara bagi Program Ihsan YSHHB sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan kiri).

masing-masing tinggal di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Katok, Tungku.

Sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB bertujuan bagi membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan memberikan keceriaan kepada mereka dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri

nanti.

Selain itu, YSHHB turut menyumbangkan peralatan keperluan pesakit, khususnya bagi warga emas, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam menyantuni golongan yang memerlukan. Program ini juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

YSHHB sebagai wadah amal

jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Peguam Negara selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB menyampaikan sumbangan kepada para penerima bagi Program Ihsan YSHHB sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Daerah Temburong (atas dan bawah).



TEMBURONG, Selasa, 25 Mac. - Keprihatinan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan adalah selaras dengan dasar penubuhannya.

YSHHB menerusi Program Ihsan YSHHB sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah menyampaikan sumbangan berbentuk kewangan dan makanan serta sebahagiannya juga menerima keperluan perubatan hari ini di keempat-empat daerah.

Peruntukan sumbangan Program Ihsan YSHHB kali ini berjumlah keseluruhannya BND139,300 dan diserahkan kepada seramai 150 buah keluarga yang terdiri daripada warga emas dan golongan yang memerlukan bantuan.

Bagi di Daerah Temburong sumbangan disampaikan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB kepada beberapa orang penerima yang terpilih di daerah ini.

Program ini juga sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

Salah seorang penerima bagi Dayang Faridah Hanim binti Haji Hitam, 57 tahun menzahirkan rasa syukur atas sumbangan yang diterima yang sedikit sebanyak dapat membantu dalam meringankan perbelanjaan menyambut Aidilfitri nanti.

Daerah Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Beliau dari Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu menyatakan sumbangan derma itu juga nanti akan disimpan bagi perbelanjaan harian dan keperluan yang akan datang.

Beliau turut menjelaskan bahawa pada ketika ini, beliau

menumpang di rumah kakaknya kerana menunggu rumah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan berharap agar urusan penyewaan rumah dari MUIB akan disegerakan kerana memandangkan beliau hanya menumpang sementara.

جاین فرانځن ایکونومی دان سټاتیسټیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAI PENGETAHUA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"


"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



MAJLIS KHATAM AL-QURAN, PENYAMPAIAN SUMBANGAN DI MASJID KAMPUNG KILANAS



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada penerima (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas hari ini mengelolakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena Majlis Bertadarus tiap-tiap malam di bulan Ramadan dan diseluruhkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim Kampung Kilanas.

Sumber derma adalah hasil daripada tabung khas yang

dibuka dalam Masjid Kampung Kilanas dan diberi jangka masa selama tiga bulan dengan kebenaran daripada pihak kerajaan.

Tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.



Pada tahun ini, seramai 10 orang anak yatim menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Tujuan utama majlis merupakan aktiviti tahunan dan objektif asalnya adalah untuk memberi peluang dan perangsang bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan jemaahnya membiasakan membaca Al-Quran.

Di samping itu, objektif lain adalah untuk melahirkan masyarakat yang lancar dan gemar membaca Al-Quran terutamanya di dalam bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan dan mubarak

ini.

Selain itu, tujuannya juga adalah untuk memupuk dan menjalin hubungan baik, mesra serta erat antara Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dengan semua jemaah Masjid Kampung Kilanas khasnya serta semua penduduk kampung sekitarnya yang hadir bagi mengikuti majlis berkenaan.

Kutipan derma melalui tabung khas anak-anak yatim adalah tiap-tiap tahun dipohonkan kebenaran bagi memberi bantuan berupa kewangan kepada anak-anak yatim dengan tidak secara langsung menolong meringankan perbelanjaan bagi

menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Majlis juga adalah salah satu aktiviti yang boleh mengimarahkan masjid selain mengeratkan lagi perhubungan Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah masjid yang lain.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Penaung-penaung dan Penasihat-penasihat serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan para jemputan khas, anak-anak yatim dan penjaga mereka serta jemaah masjid, penduduk-penduduk Kampung Kilanas dan di sekitarnya.

Sumbangan gembirakan warga Pusat Ehsan



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Al-Maryam (Pusat Ehsan) hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Kurang Berkemampuan bersempena Sambutan Nuzul Al-Quran Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis yang berlangsung di Surau Pusat Ehsan berkenaan dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan isteri, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai

oleh para individu kelainan upaya dan kakitangan Pusat Ehsan, disusuli dengan bacaan Takhtim, Tahliil, Doa Khatam dan Doa Selamat.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat majlis dan isteri, sebagai tanda penghargaan atas sokongan mereka terhadap inisiatif Pusat Ehsan.

Seramai 47 penuntut Pusat Ehsan yang terdiri daripada anak yatim dan kurang berkemampuan juga seorang ibu tunggal, iaitu kakitangan Pusat Ehsan, menerima sumbangan pada majlis berkenaan.

Derma kepada Pusat Ehsan dan anak-anak yatim serta kurang

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



berkemampuan berkenaan disumbangkan oleh syarikat-syarikat dan orang persendirian terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dengan sumbangan sebanyak BND15,000; OKKY Jewellery (BND2,000); Samima Sdn. Bhd. (BND1,000); Al-Barakah Company (BND1,000); Sifana Sdn. Bhd. (BND1,000); Build Mix Trading (BND1,000); Hiew HY Construction Sdn. Bhd. (BND1,000); T.S.M Sdn. Bhd. (BND600); Fataj Sdn. Bhd. (BND500); Pustaka Remaja Sdn. Bhd. (BND500); Aisha Afifa (BND500); Syarikat Teras Maju Bookstore (BND500); Green Mart (BND500); dan Powson Electrical Co. Sdn. Bhd. (BND500).

Manakala sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan kurang berkemampuan oleh TM Majeed Supermarket, First Emporium & Supermarket, Mangkuk Emas Trading Sdn. Bhd., Orbit



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kiri sekali, kiri dan bawah kanan).

Supermarket Sdn. Bhd., Fayze Restaurant, Syarikat Teras Maju Bookstore Kuala Belait, Green Mart, Aisha Afifa, Nazmi Textile Mall, Ameen Associates, Siammali Remittance, D.Masjaffre Enterprise Sdn. Bhd., Syarikat Perniagaan Malar Setia, Perusahaan Amanda Qaisara, Halimons Spices dan Ideal Food Industries Sdn. Bhd.

Acara yang diadakan setiap tahun berkenaan merupakan platform bagi meraikan Sambutan Nuzul Al-Quran, selain memberikan bantuan kepada anak-anak yatim dan kurang berkemampuan.

RAIH KEBERKATAN, DEKATKAN DIRI DENGAN AL-QURAN



KUALA BELAIT, Isnin, 24 Mac. - Seramai 25 pembaca Khatam Al-Quran yang terdiri daripada anggota Daerah Polis Belait serta beberapa orang awam telah menghadiri majlis penuh keberkatan yang berlangsung di Surau Polis Panaga, Ibu Pejabat Daerah Polis Belait, petang kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Turut berangkat dan hadir ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia SAC

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang menyertai Khatam Al-Quran berkenaan.

Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai kanan dan Pegawai-pegawai Kanan PPDB berserta Ahli Pangkat Rendah Daerah Polis Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran oleh semua pegawai dan pembaca yang diraikan dan seterusnya bacaan Doa Khatam dipimpin oleh CPL 5396 Wan Mahdir bin Wan Md. Ibrahim dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Apo L/Cpl 6495 Mohd. Suzaidy bin Mohd. Hassan.

Majlis bertujuan untuk menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan yang penuh magfirat dan berkat, di samping mendekatkan diri dengan Al-Quran dan meningkatkan hubungan silaturahim di kalangan pegawai dan anggota polis di Daerah Belait.

MINDA PEMBACA

Bersatu Mencapai Cita Negara

TEMA Hari Kebangsaan Brunei Darussalam ke-41, 'Bersatu Mencapai Cita Negara' membawa makna yang mendalam dalam usaha memajukan negara ke arah kemakmuran dan kesejahteraan. Tema ini menekankan betapa pentingnya perpaduan rakyat dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Tanpa semangat kebersamaan, impian dan matlamat untuk membentuk sebuah negara yang maju dan stabil sukar untuk direalisasikan. Oleh itu, setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk memastikan Brunei terus berkembang sebagai negara yang harmoni dan makmur.

Salah satu elemen utama dalam

mencapai cita-cita negara adalah perpaduan rakyat. Masyarakat yang bersatu akan lebih mampu mengatasi pelbagai cabaran dengan berkesan. Dalam konteks Brunei Darussalam, keharmonian antara kaum dan agama merupakan asas utama kestabilan negara. Oleh itu, nilai-nilai seperti sikap saling menghormati, bekerjasama dan bertoleransi perlu terus diperkuatkan agar kemajuan negara dapat dicapai secara bersama.

Selain itu, kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi negara. Pelbagai inisiatif dan dasar telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi memajukan negara,

termasuk dalam bidang ekonomi, pendidikan dan teknologi. Oleh itu, rakyat harus memberikan sokongan penuh terhadap usaha ini dengan mengamalkan sikap rajin, berdisiplin, dan proaktif. Sebagai contoh, dalam sektor pendidikan, para pelajar serta generasi muda perlu berusaha menimba ilmu dan kemahiran agar dapat menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan. Dalam sektor ekonomi, perpaduan masyarakat turut menjadi faktor utama kejayaan negara. Kerjasama erat antara sektor kerajaan, swasta dan rakyat dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara. Usahawan tempatan

digalakkan untuk meneroka peluang perniagaan dan berinovasi bagi meningkatkan daya saing negara di peringkat global.

Kesimpulannya, tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' menegaskan bahawa kejayaan sesebuah negara bergantung kepada semangat perpaduan rakyatnya. Dengan bersatu, segala impian dan matlamat negara dapat direalisasikan dengan lebih mudah. Oleh itu, mariilah kita bersama-sama menyumbang tenaga dan usaha demi kesejahteraan serta kemajuan Brunei Darussalam yang tercinta.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P : 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa.' Tarikh Tutup : 26 Mac 2025
2. 'Cabarani Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.' Tarikh Tutup : 2 April 2025
3. 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Anak yatim terus terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

LAMBAK KIRI, Isnin, 24 Mac. – Islam adalah agama yang mementingkan hubungan yang baik dalam kalangan umatnya sehingga dengannya dapat menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan bersatu padu.

Umat Islam diseru untuk hidup saling bantu membantu dan tolol menolong kerana dengan cara demikian akan dapat menimbulkan perasaan hormat menghormati dan sayang menyayangi tanpa mengira keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali.

Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu membantu ialah dengan amalan bersedekah. Bersedekah sama ada dengan wang ringgit atau lainnya merupakan amalan mulia yang memberi keuntungan kepada orang yang mengeluarkannya dan orang yang menerimanya.

Orang yang bersedekah mendapat balasan pahala, sementara bagi orang yang menerima pula dapat menggunakan sedekah berkenaan bagi memenuhi keperluan hidupnya. Apatah lagi amalan berkenaan dilakukan di bulan Ramadan yang terdapat banyak ganjaran pahala di dalamnya.

Sehubungan dengan itu, bersempena bulan Ramadan yang mubarak ini, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid dan Muslimah Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak-anak Yatim sempena bulan Ramadan. Acara berlangsung di masjid berkenaan.

Seramai 50 anak yatim yang tinggal di sekitar masjid berkenaan telah menerima sumbangan berupa wang dan barang asasi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan berkenaan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Antara objektif program berkenaan diadakan adalah untuk menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan keugamaan. Di samping menggalakkan orang ramai bersedekah, acara berkenaan juga diharap dapat membantu anak-anak yatim di bulan Ramadan ini sekali gus menjaga kemaslahatan masyarakat dengan mewujudkan silaturahim dan ukhuwah sesama umat Islam dan perpaduan sejagat.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan berkenaan.

MEMUPUK SEMANGAT TERUS MENCINTAI, MENDALAMI AL-QURAN

SUNGAI AKAR, Selasa, 25 Mac. - Bersempena dengan bulan Ramadan yang mubarak ini, ruang Dewan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) disemarakkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada qari-qari tempatan dan juga Tadabbur Al-Quran daripada penceramah tempatan dan luar negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Acara yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Takmir MRSB berkenaan adalah sebagai salah satu acara yang diadakan sempena World Quran Hour.

Tadabbur Al-Quran merupakan salah satu cara untuk menambah kefahaman mengenai Al-Quran yang sudah setentunya ia akan dapat dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

Dengan adanya majlis berkenaan, ia dapat memupuk semangat untuk terus mencintai Al-Quran dengan mendalami Al-Quran daripada pakar-pakar yang berkemahiran.

Tahun ini, Surah As-Saff merupakan surah yang dijadikan pilihan untuk ditadabbur dan merupakan surah yang ke-61 dalam Al-Quran. Surah berkenaan tergolong dalam Surah Madaniyah dan mengandungi 14 ayat. Dinamakan As-Saff kerana pada

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

ayat empat surah berkenaan terdapat perkataan 'Soffan' yang bererti satu barisan.

Acara berkenaan merupakan salah satu acara global yang diadakan lebih daripada 200 tempat di sekitar Nusantara dan MRSB merupakan salah satu hos bagi Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu itu, majlis dimulakan

dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan seterusnya bacaan Surah As-Saff oleh Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid dan Pengiran Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki, diikuti dengan tadabbur surah berkenaan yang disampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak dan Dr. Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa dan selawat, seterusnya acara berbuka puasa serta Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Juga hadir, Penaung-penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; dan Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; pegawai-pegawai masjid berkenaan, jemaah serta penduduk Kampung Sungai Akar.

ANTARA yang turut hadir pada acara yang diadakan sempena World Quran Hour.

PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR


DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



PERHAKIMAN PENGETAHUAN DAN DISCIPLINE
Pengurusan

Chang'an 3000 secara automatik bantah maklumat soya di dalam PSCR2.0, termasuk maklumat latar belakang, pendidikan, bidang dan tertular kerja, maklumat mengemaskini permohonan jawatan kosong yang diajukan pengguna dan maklumat mengemaskini maklumat latar belakang dan tertular kerja.

Yang diminta ialah maklumat yang lengkap dan akurat. Sebaliknya maklumat yang lengkap dan akurat akan memberikan maklumat yang lengkap dan akurat.

Untuk maklumat yang lengkap dan akurat, maklumat yang lengkap dan akurat akan memberikan maklumat yang lengkap dan akurat.

Mengqadha' Puasa Sunat Enam Syawal

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PUASA sunat enam hari di bulan Syawal adalah ibadah sunat yang sangat dituntut dan mempunyai keistimewaan ganjaran pahala yang khusus. Dalam riwayat daripada Abu Ayyub al-Anshari *RadiAllahu 'anhu*, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Sesiapa yang berpuasa bulan Ramadhan, kemudian diikutinya (puasa Ramadhan itu) dengan puasa enam hari daripada bulan Syawal, nescaya yang demikian itu seolah-olah dia berpuasa sepanjang masa (sepanjang tahun).

(Hadits riwayat Muslim)

Puasa sunat enam hari di bulan Syawal disunatkan ke atas orang yang menunaikan puasa penuh pada bulan Ramadhan. Puasa sunat enam hari di bulan Syawal juga disunatkan ke atas orang yang tidak berpuasa penuh pada bulan Ramadhan kerana keuzuran yang diharuskan oleh syara' seperti sakit.

Manakala orang yang tidak menunaikan puasa Ramadhan dengan sengaja tanpa keuzuran yang diharuskan oleh syara', haram baginya melakukan puasa sunat enam hari di bulan Syawal melainkan setelah dia selesai mengqadha' puasa

DAN yang dimaksudkan (dengan ganjaran mengerjakan puasa sunat enam yang disebut dalam hadits itu) adalah pahala (puasa) fardhu. Jika tidak (demikian), maka tidak ada makna bagi pengkhususan (puasa) enam hari di bulan Syawal itu, kerana siapa sahaja yang berpuasa bersama puasa Ramadhan enam hari daripada selainnya (selain puasa enam hari di bulan Syawal) itu pasti akan memperoleh pahala sepanjang tahun sebagaimana yang ditetapkan. Maka, tidak ada keistimewaan dalam perkara ini (pengkhususan puasa sunat enam hari di bulan Syawal) melainkan dengan (penjelasan) yang tersebut.

Ramadhan kerana puasa Ramadhan yang ditinggalkan dengan sengaja wajib diqadha' dengan segera.

Puasa sunat enam hari di bulan Syawal boleh dikerjakan secara berturut-turut atau tidak sama ada selepas 1 Syawal atau pada bila-bila masa dalam bulan Syawal. Walau bagaimanapun, afodal mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal itu secara berturut-turut selepas 1 Syawal kerana menyegerakan ibadah, di samping khuatir akan luput waktunya jika puasa itu dilambat-lambatkan. Puasa sunat enam hari di bulan Syawal akan luput waktunya dengan berlalunya bulan Syawal.

Namun timbul persoalan apabila puasa sunat enam hari di bulan Syawal tidak sempat dikerjakan di dalam bulan Syawal disebabkan perkara-perkara seperti seseorang itu mengerjakan puasa qadha' Ramadhan di dalam bulan Syawal dan tidak berkesempatan untuk mengerjakan puasa sunat enam di dalam bulan Syawal, ataupun seseorang itu berhasrat untuk mengerjakan puasa sunat enam di penghujung bulan Syawal akan tetapi tiba-tiba berhalangan. Maka dalam keadaan seperti ini, adakah puasa sunat enam itu boleh diqadha' dalam bulan lain? Irsyad Hukum pada kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Puasa sunat enam hari di bulan Syawal adalah puasa sunat *ratib*. Menurut mazhab Syafi'i, sunat-sunat *rawatib* adalah

ibadah-ibadah sunat yang mengikut ibadah lainnya atau yang bergantung kepada ibadah lain.

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj menyebut fatwa bapanya bahawa puasa sunat *ratib* sunat diqadha' dan atas alasan tersebut dibolehkan mengqadha' puasa sunat enam Syawal dalam bulan Zulkaedah. Menurut beliau pendapat ini adalah pendapat *al-awjah*.

Ibadah sunat *rawatib* juga dikatakan sebagai ibadah sunat yang mempunyai waktu tertentu. Puasa sunat enam hari di bulan Syawal adalah antara ibadah-ibadah sunat yang ditentukan waktunya (*mu'aqqat*) sebagaimana juga puasa hari Isnin, puasa hari 'Arafah, puasa hari 'Asyura' dan puasa hari-hari putih. Menurut para ulama, sunat mengqadha' ibadah sunat *mu'aqqat* yang telah luput.

Imam asy-Syibraramallisi *Rahimahullah* ketika mensyarah kitab Nihayah al-Muhtaj menyebut :

Ertinya : Katanya (Imam an-Nawawi *Rahimahullah*) : "Disunatkan mengqadha'nya (sembahyang sunat *mu'aqqat*)". Sila lihat, adakah puasa sunat seperti puasa Isnin dan 'Asyura' juga (sunat) diqadha' jika luput? Padanya ada pendapat. Sepatutnya di sini disunatkan *qadha'* (kerana) mengambil kira dari sunat *qadha'* (ibadah) sunat *mu'aqqat*.

Berdasarkan penjelasan di atas adalah jelas bahawa puasa sunat enam hari di bulan Syawal itu adalah sunat diqadha'.

Dari segi ganjaran pahala pula, orang yang mengqadha' puasa sunat enam itu akan diberi ganjaran pahala puasa sunat. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj menyebut :

Ertinya : Bahwasanya (ganjaran pahala) terhadap puasa enam (yang diqadha' itu) diberi ganjaran pahala (puasa) sunat, dan dijustifikasi bahawa ganjaran pahala (puasa) fardhu dalam hadits itu terikat dengan ia (puasa enam itu dikerjakan) di bulan Syawal, (sedangkan puasa enam yang dikerjakan) ini bukan



IRSYAD HUKUM

جناح فرج مفتح كل برق وبرق

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

darinya (bulan Syawal).

Berbeza halnya dengan ganjaran pahala orang yang mengerjakan puasa sunat enam hari di bulan Syawal setelah menunaikan puasa Ramadhan, dia akan diberi ganjaran pahala puasa fardhu. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj menyebut :

Ertinya : Dan yang dimaksudkan (dengan ganjaran mengerjakan puasa sunat enam yang disebut dalam hadits itu) adalah pahala (puasa) fardhu. Jika tidak (demikian), maka tidak ada makna bagi pengkhususan (puasa) enam hari di bulan Syawal itu, kerana siapa sahaja yang berpuasa bersama puasa Ramadhan enam hari daripada selainnya (selain puasa enam hari di bulan Syawal) itu pasti akan memperoleh pahala sepanjang tahun sebagaimana yang ditetapkan. Maka, tidak ada keistimewaan dalam perkara ini (pengkhususan puasa sunat enam hari di bulan Syawal) melainkan dengan (penjelasan) yang tersebut.

Demikian penjelasan mengenai mengqadha' puasa sunat enam Syawal.

Bersederhana dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كل لأن فوسة دعوه اسلاميه

HARI-hari terakhir bulan Ramadan membawa maksud umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda kemenangan bagi umat Islam yang menjalani ibadah puasa tetapi pada masa yang sama hati kita turut berasa sedih untuk meninggalkan bulan Ramadan yang penuh rahmat dan keberkatan ini, kerana kita belum lagi akan dapat bertemu bulan Ramadan berikutnya kecuali jika diizinkan dan dipanjangkan umur oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kebanyakan masyarakat kita, apabila hampir sahaja menjelang Hari Raya Aidilfitri pasti akan sibuk membuat persiapan bagi menyambut Hari Raya seperti menyediakan keperluan rumah, pakaian, makanan, minuman dan sebagainya. Semua itu adalah semata-mata untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri yang mulia. Tetapi apa yang perlu kita ingat, sesibuk apa pun yang kita lakukan, janganlah lupa dan lahir akan kewajipan kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala khususnya di akhir-akhir bulan Ramadan, iaitu untuk membayar Zakat Fitrah kerana perkara ini adalah satu kewajipan dan pelengkap ibadat puasa serta penampal atau penutup kekurangan yang berlaku ke atas ibadat puasa yang kita lakukan. Begitu juga dalam kesempatan yang hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi, sama-sama lah kita merebut peluang untuk mendapatkan malam Lailatulqadar yang berlaku pada satu malam ganjil di 10 malam terakhir bulan Ramadan yang hanya datang sekali dalam setahun dengan membanyakkan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Agama Islam adalah agama yang mudah dan tidak mahu umatnya hidup dalam kesusahan. Oleh kerana itulah, kita dinasihatkan untuk hidup secara

bersederhana, tidak berlebih-lebihan dan membazir, contohnya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri, sambutlah dengan cara sederhana dan berhemah, jangan terlalu ikut hati sehingga berbelanja lebih dari kemampuan dan menyusahkan diri. Janganlah dijadikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri untuk bermegah-megah dan bermewah-mewah sehingga berlaku pembaziran dan menjadikan kita bersifat riayak. Biarlah kita menjadi umat yang bersederhana.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman seperti mana terjemahan makna ayat 26 dalam Surah Al-Israa' iaitu : "Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalah syarak)".

Dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri biarlah atas landasan agama dan tetap menjadi ibadah. Untuk mencapai tujuan tersebut, agama Islam memberikan kita bimbingan dan panduan cara menyambut Hari Raya Aidilfitri yang sesuai dengan lunas-lunas Islam, antaranya ialah :

Pada malam Hari Raya Pertama kita disunatkan menghidupkan malam tersebut dengan laungan takbir dan terus menghidupkannya dengan bacaan Al-Quran, berzikir, berdoa dan sebagainya. Bukan meraikan malam tersebut dengan perkara-perkara yang membahayakan dan memudaratkan seperti bermain mercun atau bunga api sampai larut malam sehingga mengganggu ketenteraman jiran tetangga.

Di pagi Hari Raya Aidilfitri disunatkan mandi dengan niat kerana kedadangan

Aidilfitri dan bukannya mandi seperti hari-hari biasa. Disunatkan juga memakai bau-bauan yang harum, membersihkan diri dengan bergunting rambut, memotong kuku serta memakai pakaian yang paling elok. Sebelum menuju ke masjid, kita juga disunatkan untuk memakan buah kurma dalam bilangan yang ganjil. Inilah amalan Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam sebelum berangkat ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.

Amalan ziarah-menziarahi sesama kaum keluarga, sanak saudara, jiran tetangga, sahabat dan rakan taulan adalah satu cara untuk memeriahkan suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Ini bertujuan untuk saling bermaaf-maafan dan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain. Perlu diingat dalam kita

AMALAN ziarah-menziarahi sesama kaum keluarga, sanak saudara, jiran tetangga, sahabat dan rakan taulan adalah satu cara untuk memeriahkan suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Ini bertujuan untuk saling bermaaf-maafan dan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain. Perlu diingat dalam kita kunjung-mengunjungi janganlah dicemari dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak dan berdosa, antaranya bersalaman dengan bukan muhrim, memakai pakaian yang mendedahkan aurat, menghidangkan benda-benda haram dan sebagainya. Perbuatan sedemikian tidak mendatangkan berkat tetapi akan mencemarkan erti sebenar kedadangan bulan Syawal dan mendatangkan dosa yang menyebabkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

KKBS ADAKAN MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengetua rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Saadul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan pada sebelah tengah hari.

Majlis berkenaan diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), KKBS.

Hadir mengetua rombongan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Awang Faizal bin Janif @ Rosli.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dan Ahli-ahli Persatuan Belia, Persatuan Belia Masjid, Persatuan Sukan, Jurulatih Sukan, Pusat Kegiatan Warga Emas, pihak NGO serta pihak berkepentingan yang lain.



Imbangan perdagangan meningkat sebanyak 40.2 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

>> Muka 1

Dalam Siaran Akhbar tersebut turut memaparkan bahawa pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 22.0 peratus, diikuti oleh Jepun dan Republik Rakyat China, masing-masing sebanyak 17.2 peratus dan 15.8 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah Bahan Api Galian dan Bahan Kimia.

Manakala, import pada bulan Januari 2025 bernilai BND712.6 juta. Tiga komoditi import utama adalah Bahan Api Galian,

menyumbang sebanyak 65.1 peratus, diikuti oleh Makanan sebanyak 9.5 peratus dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 9.2 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Emiriah Arab Bersatu sebanyak 30.1 peratus, diikuti oleh Malaysia sebanyak 27.4 peratus dan Republik Rakyat China sebanyak 12.1 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah Bahan Api Galian, Makanan dan juga Bahan-bahan Kimia.

Berbanding Disember 2024,


jumlah perdagangan pada Januari 2025 menurun sebanyak 0.02 peratus, didorong oleh penurunan import sebanyak 9.4 peratus.

Import bagi kategori penggunaan akhir, terutamanya digunakan sebagai pemprosesan Barang Perantaraan sebanyak 60.0 peratus, diikuti oleh Barang Modal bagi operasi perniagaan sebanyak 35.6 peratus dan Barang Penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 4.4 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi bulan Januari 2025 boleh didapat melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.

جاتن قراجن ایکونومی دان ستاتیسٹیک
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

PERANGKAAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA JANUARI 2025



200 anak yatim terima sumbangan



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Isnin, 24 Mac. - Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim dan Berbuka Puasa Tahun 1446 Hijrah / 2025 menerima sumbangan derma pada

Masihi bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah

Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Majlis dimulakan dengan

SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim dan Berbuka Puasa Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

bacaan Tahlil dan doa, disusuli dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim daripada syarikat-syarikat swasta dan persendirian terdiri daripada tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Awang Chong Ain Hong, Awang Firoz Khan Namroz Khan, Awang Heng Teng Chai, Awang Thomas Koh, Awang Heng Ah Hing, dan wakil Awang Heng Ah Hing.

Majlis diteruskan dengan sesi bergambar ramai dan Majlis Berbuka Puasa.

MENGAMALKAN BACAAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN



ANTARA tujuan acara berkenaan diadakan adalah bagi meningkatkan amal ibadat dalam bulan Ramadan terutama melalui bacaan Al-Quran (kiri dan bawah kanan).

TUTONG, Isnin, 24 Mac. - Dalam usaha merebut ganjaran pahala pada 10 malam terakhir bulan Ramadan, pelbagai pihak di negara ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan acara keagamaan lainnya.

Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT)

Masjid Kampung Telisai mengendalikan Majlis Khatam Al-Quran bagi Kelas Bimbangan Muslimah Seluruh Negara sempena Tadarus Al-Quran di bulan Ramadan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Masjid Kampung Telisai, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Penghulu Mukim Telisai, Dayang Hajah Sahedah binti Haji Ya'akub. Antara tujuan

acara berkenaan diadakan adalah bagi meningkatkan amal ibadat dalam bulan Ramadan terutama melalui bacaan Al-Quran. Selain itu, majlis juga dihasrat dapat mendorong para Muslimah untuk mengamalkan bacaan Al-Quran sehingga khatam, di samping untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan Muslimah masjid. Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Dayang Hajah Aidah binti Haji Md. Yusof, tenaga pembimbing Masjid Kampung Telisai serta bacaan Doa Khatam

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

oleh Dayang Hajah Norpismawati binti Haji Abu Bakar, Muslimah Masjid Kampung Telisai.

Manakala bacaan Takhtim diketuai oleh Dayang Hajah Noratikah binti Haji Ali Hasan, Muslimah Masjid Kampung Telisai. Sementara bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh

Dayang Hajah Julia binti Haji Abdullah, Ketua Muslimah Masjid Kampung Telisai. Dengan terlaksananya program berkenaan diharatkannya akan dapat melazimkan diri dengan amalan ibadah melalui bacaan Al-Quran dan Tahlil lebih-lebih lagi ia diadakan dalam bulan Ramadan.



سوروهنجاۓ فرخمنت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur) ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding ✓ Tamat Persekolahan bagi pemohon yang memanfaatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja 	PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN <ul style="list-style-type: none"> ✓ Maklumat Peribadi Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini ✓ Maklumat Lesen Memandu ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Sijil / Transkrip (dimenukar dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri) ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah ✓ Tamat Persekolahan (Sijil berhenti Sekolah) 	PANDUAN PENGALAMAN KERJA <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan menandakan "*" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profili pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang berulang ✓ Pengalaman Kerja Swasta ✓ Pengalaman Kerja Beruniform ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri ✓ Penempatan Kerja ✓ Tidak Bekerja 	PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kelayakan Profesional ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan ✓ Kemahiran Bahasa ✓ Lain-Lain Kemahiran
PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS <ul style="list-style-type: none"> ✓ Peperiksaan Kerajaan ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta) ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA) ✓ Program Pembangunan Eksekutif 			

MAJLIS KHATAM AL-QURAN ANJURAN PEKERTI SEMARAKKAN RAMADAN



ANTARA yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran bagi PEKERTI bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Surau Polis Gadong (atas kanan), manakala gambar atas, sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Isnin, 24 Mac. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi PEKERTI bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Surau Polis Gadong petang kelmarin, bagi menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini.

Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengerusi

PEKERTI, Dayang Nurakmalia binti Leftenan Kolonel (B) Awang Iskandar.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pengurus Badan Keugamaan, Dayang Siti Hawa binti Haji Ibrahim beserta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI beserta ahli-ahli dari cawangan PEKERTI.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha

yang diketuai oleh tetamu kehormat, seterusnya diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha sehingga Surah Al-Masad beramai-ramai, bacaan Takhtim, Doa Khatam Al-Quran, Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Penutup Khatam.

Aktiviti keugamaan seumpamanya bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara semua Ahli PEKERTI di samping menggalakkan membaca Al-Quran terutama di bulan yang mulia ini.

Projek kemasyarakatan perkukuhkan hubungan silaturahim



SEBAHAGIAN yang menyertai Projek Amal Ramadhan Kitchen 2025, baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Seramai 17 mahasiswa dan mahasiswi Bengkel Kemahiran Kepimpinan Islam di bawah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berjaya menganjurkan Projek Amal

Ramadhan Kitchen 2025, baru-baru ini.

Projek tersebut diungkayahkan untuk menyumbangkan makanan dan minuman kepada penduduk Kampong Ayer sempena bulan Ramadhan 1446 Hijrah, yang melibatkan kolaborasi dengan

Kompleks Sukan Sungai Kebun sebagai tempat penyediaan makanan oleh para mahasiswa dan mahasiswi di mana seramai 250 orang penduduk Kampong Ayer dan beberapa lokasi terdekat menerima sumbangan makanan dan minuman tersebut.

Antara tujuan projek adalah untuk memberi peluang kepada

Nuqra Quranic adakan program cuti sekolah bertemakan 'Nuqra Entrepreneur'



PROGRAM yang berlangsung selama dua hari itu, diadakan untuk kanak-kanak berusia 6 hingga 11 tahun bertempat di Nuqra Quranic Learning Centre, Kampung Kiulap.

Berita dan Foto : Ihsan Nuqra Quranic Learning Centre

KIULAP, Isnin, 24 Mac. - Nuqra Quranic menganjurkan program cuti sekolah yang dinanti-nantikan. Namun kali ini, program cuti sekolah tampil dengan tema baharu dan unik iaitu 'Nuqra Entrepreneur'.

Program yang berlangsung selama dua hari itu, diadakan untuk kanak-kanak berusia 6 hingga 11 tahun bertempat di Nuqra Quranic Learning Centre, Kampung Kiulap.

Tambahan lagi, cuti penggal kali ini berlangsung dalam bulan Ramadan di mana para peserta didedahkan dengan konsep jual beli yang sering berlaku di bulan Ramadan ini.

Antara aktiviti menarik yang disertai oleh para peserta adalah termasuk konsep jual beli Rasulullah, praktikal jual beli dan juga budaya menabung serta bersedekah.

Selain itu, program turut memberi inspirasi kepada peserta melalui kisah Nabi Yusuf berkenaan dengan simpanan bijak.

Melalui program ini, ia diharap kanak-kanak bukan sahaja dapat memahami keindahan Ramadan tetapi juga memupuk nilai-nilai keusahawanan yang berteraskan kejujuran dan keberkatan.

Ia adalah peluang untuk mereka belajar, beramal dan menikmati Ramadan dengan penuh makna.

Program juga diharap dapat memberikan pengalaman yang bermakna kepada anak-anak dalam menghayati bulan Ramadhan sambil menerapkan kemahiran perniagaan yang bermanfaat untuk masa hadapan mereka.

mahasiswa dan mahasiswi Bengkel Kemahiran Kepimpinan Islam untuk terlibat secara langsung dengan masyarakat melalui pengendalian projek kemasyarakatan, selaras dengan teori kepimpinan Islam yang dipelajari sepanjang semester.

Pelaksanaan projek ini telah

berjaya memperkuatkkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dan mahasiswi dan masyarakat setempat, sambil mengembangkan pengalaman mereka dalam aspek Kepimpinan Islam, yang menekankan khidmat kepada masyarakat sebagai prinsip utama dalam Islam.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas: VI Sahaja

Kategori: KA01 & M03

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
8 April 2025, Selasa.

Tarikh Tutup:
22 April 2025, Selasa.
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 004 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Dan
Penyambungan Air Utama Bagi
Ke Semua Daerah – Loji Rawatan
Air Seria Dan Stesen
Pengambilan Air Mentah Badas
Peringkat 4, Daerah Belait.

No. Projek:
DWS1219-007/ADBT-01

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
II dan III sahaja

Kategori:
B01 & E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM002 / 2025

Bil. Projek
2025DBSBM / JKR.01

Nama Projek:
Kerja-kerja Pengubahsuaian
Di Bahagian Bil. Jabatan
Perkhidmatan Air, Tasek Lama,
Jabatan Kerja Raya,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
8 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 April 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas: II dan III sahaja

Kategori: B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM003 / 2025

Bil. Projek
JKR / DBS / IMU01 / 2025

Nama Projek:
Kerja-kerja Pembaikan dan
Mengelat Semula Di Luar
Bangunan Dua Belas Tingkat
Telanai Tower Simpang 179,
Jalan Telanai
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa, 8 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 April 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas: V (IV & V) sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 012 / 2025 –
(SEW).T.V

Nama Projek:
Kontrak Penggal Tiga (3)
Tahun Bagi Kerja-Kerja
Pemeliharaan Sivil Pembetungan
Di Daerah Brunei-Muara,
Tutong dan Temburong
(Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
N/A

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa, 15 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 29 April 2025.
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.



JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Iklan:
MAC / 2025 / JAPEM /
PBTUT-COLLECT / RB

Tajuk Iklan:
Domestic Waste Collection And
Disposal For 24 Months At Pusat
Bahagia Tutong, Jabatan
Pembangunan Masyarakat

Bilangan Iklan:
MAC / 2025 / JAPEM /
AC-PBKPKWEBM / RB

Tajuk Iklan:
Air Conditioner Supply & Install /
Repair & Service, PKWE Brunei
Muara, PKWE Tutong & Pusat
Bahagia Eric Goh Kuala Belait

Tarikh tutup / menghantar sebut
harga bagi iklan Bilangan
(MAC / 2025 / JAPEM /
PBTUT-COLLECT / RB) & (MAC /
2025 / JAPEM /
AC-PBKPKWEBM / RB)
adalah pada Khamis, 17 April
2025, jam 2.00 Petang.

Bilangan Iklan:
BUILDING / 2025 / JAPEM /
PKWE / RB-TERM

Tajuk Iklan:

General Building Term
Maintenance For
Bangunan-Bangunan Pusat
Kegiatan Warga Emas Jabatan
Pembangunan Masyarakat For
A Period Of Twenty Four
(24) Months

Bilangan Iklan:
M&E / 2025 / JAPEM / PKWE /
RB-TERM

Tajuk Iklan:
Mechanical And Electrical Term
Maintenance For
Bangunan-Bangunan Pusat
Kegiatan Warga Emas Jabatan
Pembangunan Masyarakat For
A Period Of Twenty Four
(24) Months

Tarikh tutup / menghantar sebut
harga bagi iklan Bilangan
(BUILDING / 2025 / JAPEM /
PKWE / RB-TERM) & (M&E /
2025 / JAPEM / PKWE /
RB-TERM)
adalah pada Khamis,
24 April 2025,
jam 2.00 Petang.



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 65 (11)
Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing, Training,
Preventive And Corrective
Maintenance (Repair And
Replace) Of Intruder Detection
System (IDS) For Ministry Of
Defence – 5 Years Contract

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah dua
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Selasa,
22 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Mei 2025, 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / POC /
TA / 04
Pembelian Ninja Warrior Dewan
Gerak Badan IL ABDB

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah dua
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Selasa,
22 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Mei 2025, 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 279(2)
Supply of Wet and Dry Ration For
Royal Brunei Armed Forces
(RBAF) And Gurkha Security Unit
(GSU) – Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin,
14 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
29 April 2025, 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam



Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 5
/ 2024-2025 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Mengendalikan
Perkhidmatan Kantin Selama
Dua (2) Tahun Di
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan.

Tarikh Buka Sebut Harga:
17 Mac 2025,
Isnin.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
17 April 2025,
Khamis,
2.00 Petang.

Tarikh Taklimat
(jika berkenaan):
27 Mac 2025,
Khamis,
10.00 Paggi

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian





Tajuk Tawaran
Term Contract For Twelve (12) Months Maintenance Of Internal Piping & Associated Works At Jabatan Penerangan Awam – FSOR
AME / 2024-2025 / SH-53 / R (Kelas I & II ke atas)

Tajuk Tawaran
Term Contract For Air Conditioning Maintenance To "DCA Building" For A Period Of Six (6) Months
AME / 2024-2025 / SH-82 / R (Kelas II atau ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu,
26 Mac 2025.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa,
8 April 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
9 April 2025.

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan,
Ibu Pejabat
Jabatan Penerangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam




Kenyataan Tawaran Bagi Request for Quotation

Bilangan Tawaran:
IMMB / C / PENT / 164

Tajuk Projek:
Request for Quotation Technical Specification for The Production and Delivery of Brunei Darussalam's New Electronic Passport and Electronic Travel Documents for a Period of 10 Years for The Department of Immigration and National Registration, Ministry of Home

 JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam Kelas: IV dan V sahaja Kategori: [KA01 dan KPB04 sahaja] Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada: 8 April 2025. (Selasa) Tarikh Tutup: 15 April 2025. (Selasa) Tidak Lewat Dari Jam: 2.00 Petang Bilangan Tawaran: JKR / DWS / 016 / 2025	Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam Kelas: IV sahaja Kategori: [KA01 sahaja] Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada: 8 April 2025. (Selasa) Tarikh Tutup: 15 April 2025. (Selasa) Tidak Lewat Dari Jam: 2.00 Petang Bilangan Tawaran: JKR / DWS / 016 / 2025	Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam Kelas: V dan VI sahaja Kategori: [KA01 atau M03 sahaja] Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada: 8 April 2025. (Selasa) Tarikh Tutup: 15 April 2025. (Selasa) Tidak Lewat Dari Jam: 2.00 Petang Bilangan Tawaran: JKR / DWS / 015 / 2025	Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam Kelas: III & IV Sahaja Kategori: KA01 Sahaja Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada: 8 April 2025. (Selasa) Tarikh Tutup : 22 April 2025. (Selasa) 2.00 Petang. Bilangan Tawaran: JKR / DBSTUT 005 / 2025 Nama Projek: Membekal Dan Memasang Paip Air Bersih Dari Kg Belaban Ke Kg Belabau Di Ulu Tutong Nombor Projek: 2025 / 26 JKRTUT / TWM / 2106 - 01 Yuran Tawaran: BND100.00 (Tidak Dikembalikan) Yuran E-Dokumen: -

 UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM	<p>https://tinyurl.com/PPPPL2025</p> <p>Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-</p> <p>Jawatan: Penolong Penyelia Pusat Penyelidikan Luar</p> <p>Tangga Gaji: C.1-2 EB.3 [BND1,280 - BND2,270]</p> <p>Kekosongan: 1 Orang</p> <p>Menghadapkan Borang Permohonan Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan</p> <p>a) Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:</p> <p>Satu (1) Laporan Sulit Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik) Satu (1) salinan rekod</p>
---	---



Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:

Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 atau 5 dan Mempunyai Kategori E03

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 002 / 2025

Tajuk:
Proposed Protection Grading and Dynamic Studies For 66kv Networks Statewide (Recall)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 Atau 5, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
22 April 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 012 / 2025

Tajuk Tawaran:
Inspection & Maintenance Of 66kv Overheadline For Segments In Belait District, For A Period Of Fifteen (15) Months

Tarikh Tutup:
22 April 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND100.00
Tidak Dikembalikan

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
3,4 atau 5

Kategori:
E03

Mempunyai pekerja mahir dan terlatih bagi kerja-kerja di atas menara dan memiliki sijil berkelayakan "HV Application", "Working At Height (WAH)" & "Contractor Safety Awareness (CSA)" yang sah).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Bahagian Kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga.**

Perhatian:
Sila sertakan salinan "Business Names Enactment, 1958 – Section 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 013 / 2025

Tajuk Tawaran:
Replacement Of 15/20mva Power Transformer #1 At Mile 18

Tarikh Tutup:
22 April 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND10.00
Tidak Dikembalikan

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Bahagian Kaunter Unit Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**

Perhatian:
Sila sertakan salinan "Business Names Enactment, 1958 – Section 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 51

Tajuk Tawaran:
Event Management Services For Arabian Travel Market 2025, Dubai, 28th April – 1st May 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
3 April 2025,
Jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
RTB / 01 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery of Graphic Editing And Other Software Packages Licenses For Radio Television Brunei For A Period Of Two (2) Years Contract Term



Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
8 April 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.



Pusat Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan

Expression of Interest (EOI)

Keterangan:
Expressions of Interest for The Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning, Warranty, and Maintenance of Smart Classroom Devices



Yuran Tawaran:
Percuma

Tarikh Tutup:
5 April 2025.
Jam 2.00 Petang.

UNISSA BANTU RINGANKAN BEBAN GOLONGAN MEMERLUKAN



PEMANGKU Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan (UKMKS), Majlis

Perwakilan Pelajar (MPP), Persatuan Pelajar UNISSA bagi Sesi 2024 / 2025 telah mengadakan penyampaian derma kepada

anak-anak yatim dan golongan yang memerlukan dalam kalangan pelajar UNISSA sempena Program Ramadan Food Drive 25 : Ikhlas Memberi, Berkah Menanti.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad. Juga hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pegawai dan kakitangan UNISSA serta Ahli-ahli MPP UNISSA bagi Sesi 2024 / 2025.

Jenis sumbangan adalah berupa pek makanan asasi serta hamper makanan bagi kegunaan Hari Raya Aidilfitri.

Program Ramadan Food Drive 25, diteruskan pada waktu petang dengan pengagihan sumbangan oleh Ahli-ahli MPP, UNISSA ke beberapa buah rumah yang terpilih di Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga, Seria.

Rebut peluang 10 malam terakhir dengan menggandakan amal ibadat

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Bulan Ramadan tidak menuntut umat Islam untuk berpuasa semata-mata tetapi juga bulan penuh keberkatan ini sekali gus membuka peluang keemasan untuk kita mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, kini kita telah memasuki 10 malam terakhir bulan Ramadan dan kita digalakkan untuk menghidupkan malam-malam berkenaan dengan menggandakan amal ibadat.

Justeru itu, kita seharusnya merebut dan gunakan dengan sebaik-baiknya saki baki hari-hari terakhir Ramadan dengan sebaik-baiknya agar tidak ketinggalan untuk mendapat manfaat berlipat ganda.

Di dalam bulan ini, terdapat di dalamnya satu malam yang dipanggil Lailatulqadar, iaitu

malam yang dipenuhi dengan keberkatan dan malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Allah Subhanahu Wata'ala mengadakan malam Lailatulqadar yang hanya sekali setahun dalam bulan Ramadan adalah bagi memperlihatkan kekuasaan, ketinggian, kebesaran dan keagungan Allah kepada para hamba-Nya.


Pada malam Lailatulqadar ini, Allah memberi balasan dan ganjaran yang istimewa bagi hamba-hamba-Nya yang taat juga ikhlas melaksanakan ibadat puasa sepanjang bulan Ramadan.

Pada 10 malam terakhir Ramadan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan memperbanyakkan amal ibadat melebihi daripada ibadat yang biasa dilakukan pada malam-malam yang lain.

Oleh yang demikian, kita seharusnya menghidupkan 10 malam akhir berkenaan dengan meningkatkan lagi amalan-amalan sunat bagi meraih pahala berlipat ganda yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, Allah Subhanahu Wata'ala turut menjanjikan kehadiran malam Lailatulqadar (malam yang lebih baik daripada seribu bulan) pada 10 malam terakhir Ramadan.

PADA 10 malam terakhir Ramadan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan memperbanyakkan amal ibadat melebihi daripada ibadat yang biasa dilakukan pada malam-malam yang lain (atas kanan dan kiri).



Sesungguhnya, pedoman yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam jelas mencerminkan kepada kita betapa tinggi dan bernilainya detik-detik terakhir Ramadan yang sedang kita alui. Langkah malangnya jika kita semakin alpa dan lalai dalam melaksanakan ibadat pada saat-saat apabila Ramadan semakin hampir melalui tirainya.

Di samping itu, kita juga turut dianjurkan untuk memperbanyakkan doa, khasnya dengan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam konteks ini, para ulama telah bersepakat bahawa doa yang

paling utama pada malam

Lailatulqadar adalah doa

memohon keampunan atau

maghfirat daripada Allah

Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, amalan berikutikaf

jugi wajar diteruskan pada

penghujung Ramadan, iaitu

dengan memperbanyakkan

duduk di masjid untuk beribadah

kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ita merupakan sunnah yang

dianjurkan oleh Baginda Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam

demi memperoleh kelebihan dan

ganjaran Lailatulqadar.

Dengan itu, rebutlah peluang pada 10 malam terakhir ini dengan meningkatkan amalan kita agar Ramadan yang dilalui pada tahun ini akan lebih bermakna dengan memperbanyakkan solat sunat seperti Tahajud, Hajat, Taubat dan juga berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمترین کسیختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui
lebih lanjut mengenai
program pemeriksaan
kanser kolorektal,
sila jumpa* Doktor
awda hari ini atau
layari
www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



SEBUAH SYARIKAT DIDENDA KOMPAUN BND1,000

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Selasa, 25 Mac. - Hasil rondaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong hari ini mengeluarkan denda kompaun ke atas sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021.

Syarikat berkenaan ialah Nur Sabrina Sdn. Bhd., beralamat di Lot 161/2005 Kampung Bukit Beruang, Tutong dan dikenakan denda di bawah Bab 12 (1) (a).

Syarikat berkenaan dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian

2021 dan dikehendaki untuk menjelaskan denda kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak

melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

JABATAN DAERAH TUTONG mengeluarkan denda kompaun ke atas sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021.



Operasi Ursu Heal 2 : 20 pengguna, pengedar dadah ditahan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Mac. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah menjalankan Operasi Ursu Heal 2 pada 18 Mac 2025.

Operasi yang melibatkan seramai 164 anggota berkenaan menumpukan kepada pengedar dan pengguna dadah di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang, Daerah Tutong.

Operasi berkenaan adalah operasi susulan yang telah dijalankan pada Jun dan Julai 2024 yang lalu.

Operasi Ursu Heal 2 telah berjaya menahan 20 individu berumur antara 18 hingga 52 tahun kerana diketahui terlibat dalam penyalahgunaan dan pengedaran dadah dengan jumlah rampasan dadah sebanyak 19.33 gram (g) Syabu.

Turut dirampas ialah alat perkakas yang diubah suai untuk menyalahgunakan dadah, satu unit telefon bimbit dipercayai digunakan dalam menjalankan aktiviti pengedaran dadah, peralatan dipercayai digunakan untuk membungkus (*packing*) dadah seperti alat timbangan digital, plastik lut sinar kosong dan gunting.

Salah seorang tangkapan akan turut disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi

tujuan mengedor dan jika sabit kesalahan dengan jumlah dadah yang dirampas, boleh membawa hukuman maksima 20 tahun penjara dan 15 sebatan dan hukuman minima lima tahun penjara dan lima sebatan.

Beliau adalah tangkapan berulang dan mempunyai kes yang masih menunggu proses pendakwaan.

Hasil pemeriksaan di tempat kejadian juga menjumpai pelbagai barang tegahan, termasuk beberapa karton rokok, rokok elektronik (*vape*) dan jus *vape*. Kes berkenaan telah diserahkan kepada JKED untuk siasatan selanjutnya.

Operasi berkenaan merupakan salah satu usaha BKN dalam pembasmian kegiatan jenayah dadah di kawasan RPN Kampung Bukit Beruang yang dikenal pasti sebagai salah satu *hotspot* jenayah dadah di Daerah Tutong.

BKN ingin menegaskan bahawa piakhnya akan terus menjalankan tugas-tugas pembanterasan dadah dengan menyasarkan pengguna dadah tegar yang telah menjelaskan keharmonian dan kesejahteraan penduduk setempat.

BKN ingin menekankan pendirian toleransi sifar terhadap jenayah dadah dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa sahaja yang didapati terlibat dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah.



ANTARA yang dirampas semasa Operasi Ursu Heal 2 berkenaan.



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Tulang Daging Masak Kari Kampung Kapok

BAHAN-BAHANNYA :

Tulang daging
Bawang merah (kisar)
Bawang putih (kisar)
Bawang besar (dihiris)
Halia (ditumbuk halus)
Rempah 3 sekawan (bunga lawang, kayu manis dan cengkih)

Serbuk kari

Daun kari
Santan
Garam
Ajinomoto

CARANYA :

Tumis bawang yang dihiris dan dikisar hingga kekuningan.

Masukkan serbuk kari yang telah dicampur dengan sedikit air lalu gaul hingga pecah minyak. Masukkan daun kari. Kemudian, masukkan tulang daging dan tambahkan air serta santan. Perasakan masakan dengan garam, ajinomoto dan sedikit gula. Masak hingga daging empuk.

Muka 2

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 7 April 1965

Y.B. AWANG HAJI JAMIL BERKATA: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI AKAN BERUSAHA UNTOK MENGEMBANGKAN DAN MENINGGIKAN BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar berkata bahawa satu daripada tujuan2 dasar Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah "Menggalakkan orang yang berkebolehan dalam mempelajari Bahasa Melayu" dan "Berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan Bahasa Melayu".

Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah berkata sa-demikian ketika memberi uchapan sa-belum beliau menyampaikan hadiah² kepada peserta² yang berjaya dalam Peraduan² Cherpen dan Sajak anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei baharu² ini.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil ia-lah juga Penasehat Persatuan ASTERAWANI.

Selanjutnya beliau berkata, "Oleh yang demikian, maka pehak Dewan Bahasa dan Pustaka akan berusaha bersunggoh² untuk menchapai maksud tujuan dasar itu.

Rupa-nya pehak Persatuan Asterawani juga mempunyai matalamat yang sama - Awang² dan Dayang² sekalian juga mempunyai pendapat yang sama - sa-bagaimana yang terbukti hari ini dan pada masa yang lalu, pehak Persatuan ini sangat² mengambil berat di atas kemajuan perkembangan Bahasa Melayu.

Dari itu, sekali lagi saya uchapan terima kaseh dan selamat maju jaya di atas usaha baik itu".

Kemudian Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil berkata, "Saya suka menerangkan kapada Awang² dan Dayang² bahawa cherita² pendek memang mengambil peranan penting dalam pembentukan masharakat yang sesuai bagi bangsa kita yang berdasarkan Kebangsaan dan Ugama. Kerana, cherita² pendek itu mempunyai pengaroh dan dapat mengunjungi jiwa masharakat itu.

Ini akan menjadikan masharakat itu berubah mengikut chorak pengaroh yang di-terimanya itu dengan tidak di-sedari oleh masharakat.

Kalau bentuk cherita pendek itu mempunyai unsur pendidekan yang bermilai dan bersesuaian dengan ajaran Islam, maka ia akan mendatangkan faedah kepada masharakat kita dan begitu juga sa-balek-nya.

Di-segi bahasa pula cherita² pendek akan mengambil peranan penting juga untuk mengubah bahasa yang menarek dan susun-

telah berjaya di-dalam peraduan cherpen dan sajak ini dan berharap supaya mereka bertambah giat lagi mendalamkan ilmu pengetahuan yang berdasarkan Ilmiyah Sa-jagat untuk di-hidangkan kapada masyarakat kita.

Bagi yang belum berjaya harap jangan putus asa chuba lagi dan siasat di-mana kesalahan supaya dapat di-baiki. Dengan demikian kemajuan kita dapat di-cheptakan.

Demikian-lah uchapan yang dapat saya sumbangkan hari ini. Sa-kali lagi saya menguchapkan terima kaseh kapada Persatuan Asterawani atas penghormatan mereka pada saya memberi peluang beruchap dan menyampaikan hadiah di-majlis ini.

Saya berdo'a kapada Ilahi semoga Persatuan ini berjaya dalam segala lapangan kebajikan dan berkhidmat terus untuk masharakat dan bangsa."



Y.B. Awang Haji Md. Jamil

SHARIKAT² PERNIAGAAN TEMPATAN MENYOKONG PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI-SEGALA LAPANGAN

BANDAR BRUNEI. — Satu perjumpaan di-antara beberapa orang wakil² sharikat² perniagaan dan bank² di-Bandar Brunei dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah di-adakan di-Pejabat Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada petang 1 April.

Dalam perjumpaan tersebut, wakil² itu telah memberi pengakuan dan berikrar dengan sa-penoh-nya untuk menggunakan Bahasa Melayu di-segala lapangan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah memberi penerangan dengan panjang-lebar berkenaan dengan pemakaian Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri ini menurut sebagai mana yang terkandong dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Beliau juga telah meminta sokongan daripada perwakilan itu agar-nya mereka menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan perniagaan mereka seperti di-kepala surat, papan nama, iklan, chek² bank dan sebagai-nya.

Para perwakilan itu juga bersedia bekerjasama dengan Kerajaan bagi melaksanakan maksud Kerajaan menjadikan Bahasa Melayu sa-bagi Bahasa Rasmi negeri ini.



Satu upacara perbarisan tamat ketika 29 orang rekrut² baharu Askar Melayu Brunei telah di-adakan pada pagi 6 Mac 1965. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel D.M. Fletcher sewaktu beliau memeriksa perbarisan tersebut. Gambar dengan ehsan Askar Melayu Brunei.

10 KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN TERIMA SUMBANGAN



HELPING Hearts Charity Society baru-baru ini menyampaikan sumbangan kepada 10 keluarga kurang berkemampuan yang tinggal di Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau (atas dan atas kanan).

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Helping Hearts Charity Society baru-baru ini menyampaikan sumbangan kepada 10 keluarga kurang berkemampuan yang tinggal di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau hari ini.

Aktiviti amal berkenaan

berlangsung di kediaman Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Faidil Rosemadly bin Mohamad.

Hadir menyampaikan sumbangan derma berkenaan, Presiden Helping Hearts Charity Society, Bastine Paul berserta ahli-ahli persatuan yang lain.

Bastine Paul antara lain menjelaskan bahawa persatuan berkenaan telah wujud dan berdaftar pada 2020 dengan inisiatif antaranya dalam sama-sama menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan agar mereka turut sama merasakan nikmat kegembiraan terutama dalam meraikan Hari Raya Aidilfitri nanti.



Sumbangan ceriakan 29 anak yatim



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro-biro Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau telah mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah serta Penyampaian Sumbangan Derma Sentuhan Kasih Pencinta Yatim bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (bawah kanan dan kiri).

2025 Masihi.

Pada majlis yang diadakan buat kali kedua berkenaan, seramai 29 anak yatim dari Kawasan 4 RPN Kampung Panchor Mengkubau menerima sumbangan derma pada majlis berkenaan.

Hadir menyampaikan derma berkenaan, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang A. Hamidun bin Mohd. Daud.

Majlid dimulakan dengan

AHLI Majlis Perundingan Kampung dan Biro-biro Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau semasa mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah serta Penyampaian Sumbangan Derma Sentuhan Kasih Pencinta Yatim bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (bawah kanan dan kiri).

bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Syu'ib bin Haji Abdullah, diikuti dengan Tahlil dan doa.

Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Faidil Rosemadly bin Mohamad menzahirkan penghargaan terima kasih kepada para penderma dan infak yang disumbangkan bagi sama-sama memelihara kebijakan anak-anak yatim serta segala sumbangan berupa barang asasi.

Semoga bantuan yang dihulurkan katanya, sedikit sebanyak memberikan keceriaan dan mengurangkan beban dalam menjalani kehidupan sehari-hari serta persiapan bagi meraikan Aidilfitri yang akan menjelma hanya dalam beberapa hari sahaja lagi. Selain itu tambahnya, ribuan



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

**Hari itu dia ikut tanpa
memakai tali pinggang
keledar, tidak menyedari itu
kali terakhir.**

Lelaki, 6 tahun



**Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau

terima kasih juga buat Ahli-ahli MPK Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mengkubau serta mereka yang terlibat dalam menjayakan program kali ini dan semoga segala usaha mereka akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.





Bertanggungjawab, berjimat dalam penggunaan air elak pembaziran

Oleh : Khartini Hamir
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif,
Bahagian Pelita Brunei

HARI Air Sedunia diadakan setiap tahun pada 22 Mac bertujuan memperingati dan menghargai akan pentingnya air bersih kepada setiap pengguna dan juga meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu bekalan air.

Hari Air Sedunia juga membawa fokus untuk mengambil tindakan segera bagi menangani isu krisis air global. Bertemakan 'Glacier Preservation' ia menekankan kepada pemeliharaan glasier secara global untuk mengurangkan pencairannya yang mengakibatkan kebanjiran, peningkatan paras laut serta mengancam bekalan sumber air. Antara cara pemeliharaan glasier adalah dengan menangani perubahan iklim.

Maklumat perubahan iklim

Perubahan iklim adalah satu isu pemanasan global yang berpunca daripada aktiviti manusia di antaranya pembakaran bahan api fosil, pertanian dan penternakan, penggunaan bahan kimia industri yang menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau ataupun lebih dikenali sebagai Greenhouse Gases (GHGs).

Perubahan iklim telah menyumbang kepada kenaikan suhu secara mendadak. Antara kesan kenaikan suhu global ialah pencairan glasier pada kadar yang cepat dan membimbangkan. Pencairan glasier akan secara langsung menyumbang kepada kenaikan paras laut. Ini akan mengakibatkan meningkatnya risiko banjir, terutama di kawasan pesisiran pantai dan kawasan tanah rendah.

Banjir membawa impak langsung terhadap akses kepada air bersih. Air banjir sering kali membawa pelbagai bahan pencemar seperti bakteria, bahan kimia dan serpihan yang mencemari sumber air bersih iaitu sungai dan empangan. Di samping itu, banjir juga boleh menyebabkan kerosakan harta dan infrastruktur seperti saluran paip air. Justeru, ia memerlukan perbelanjaan besar untuk merawat air dan menambah baik infrastruktur yang terjejas.

Selain itu, salah satu impak perubahan

iklim yang paling ketara adalah peningkatan intensiti hujan lebat. Hujan lebat meningkatkan aliran air permukaan dan secara langsung menjelaskan kualiti air melalui kekeruhan atau *turbidity* yang tinggi disebabkan oleh sedimen, tanah dan *debris* ke dalam sumber air. Tambahan pula impak perubahan iklim seperti kemarau dan kenaikan paras laut juga menyumbang kepada pencerobohan air masin ataupun *saltwater intrusion*. Kemarau boleh mengurangkan air tawar *freshwater*, manakala kenaikan paras menolak air masin ke daratan.

Gabungan impak-impak perubahan iklim terhadap air menjelaskan keupayaan kita untuk mendapatkan air bersih yang selamat digunakan untuk aktiviti harian. Air yang tercemar boleh menyebabkan penyebaran penyakit bawaan air, yang menimbulkan ancaman kepada kesihatan awam. Peningkatan keperluan untuk rawatan air boleh mengakibatkan kos rawatan air yang tinggi. Perubahan corak hujan dan peningkatan kekeringan yang didorong oleh perubahan iklim memburukkan lagi isu keselamatan air yang sedia ada, mewujudkan kesan berantai yang mengancam keselamatan makanan, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan keseluruhan.

Walaupun Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terdapat glasier iaitu air batu, NBD tidak terlepas daripada kesan sampingan perubahan iklim. Ini adalah jelas dilihat dan dialami oleh rakyat dan penduduk dengan peningkatan bencana seperti peningkatan suhu, banjir, kebakaran hutan, tanah susur dan angin kencang.

Peranan masyarakat

NBD tidak leka dalam penyediaan beberapa polisi dan pelan bagi meningkatkan kedayaan dan mengurangkan kerentenan negara daripada impak perubahan iklim.

Masyarakat hendaklah meningkatkan kesedaran serta mengamalkan aktiviti sehari-hari yang boleh mengurangkan perubahan iklim seperti menggunakan peralatan cekap tenaga, mengurangkan sisa pembuangan sampah, menggunakan

botol kitar semula, menjimatkan sumber-sumber asli seperti air dan lain-lain. Sempena Hari Air Sedunia, masyarakat juga diseru untuk menghargai ketersediaan bekalan air bersih dengan berjimat dalam apa juar penggunaan air.

Penjimatatan air

Mengapa perlu menjimat air? Jimat air dapat menjimatkan wang, terutamanya dalam mengelakkan tunggakan bil air. Air juga merupakan sumber yang terhad dan alhamdulillah, bekalan air di negara ini adalah mencukupi untuk kegunaan domestik iaitu kegunaan harian. Walau bagaimanapun, permintaan air kian bertambah dari setahun ke setahun sama ada disebabkan peningkatan penduduk *population growth*, keperluan industri, pertanian, bahkan ancaman perubahan iklim yang menjelaskan kualiti air mentah.

Bagaimana cara untuk menjimatkan air? Cara terbaik penjimat air ialah dengan mengawal penggunaan harian, yang boleh diamalkan dan dicontoh oleh ahli keluarga yang lain terutamanya anak-anak.

Antaranya dengan mengurangkan jangka masa apabila mandi; penggunaan *shower head* selama satu minit boleh menggunakan sebanyak 15 liter air. *Shorter time = less water*. Cara lain seperti menggunakan aliran yang kecil atau mengehadkan menggunakan air dalam baldi sahaja.

Menutup kepala paip apabila menggunakan sabun, syampu dan memberus gigi. Hanya membuka paip apabila membasuh sabun atau berkumur; mengecilkan aliran air apabila berwuduk. Bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggunakan hanya satu mud air untuk berwuduk, iaitu anggaran 600ml air (1 botol air kecil) dan sentiasa membasuh baju menggunakan muatan yang penuh dan menggunakan semula *grey water* iaitu air yang telah digunakan sebagai contoh untuk membersihkan lantai jamban.

Cara lain dalam penjimatatan air

Memeriksa laluan paip secara rutin dan memperbaiki jika terdapat kebocoran di rumah : sentiasa memeriksa saluran paip,

kepala paip dan juga tangki tandas bagi sebarang kebocoran. Jika ada kebocoran, hendaklah diperbaiki dengan segera (sebarang kebocoran selepas meter air iaitu dalam kawasan persendirian adalah tanggungjawab pengguna untuk memperbaiki kebocoran tersebut).

Laporkan kepada TD123 bagi kebocoran sebelum meter air (di tepi jalan raya, dan lain-lain) dan menyambut air hujan bagi kegunaan air di kawasan luar rumah seperti membersihkan longkang dan menyiram tanaman.

Selain itu dengan memasang *water-saving fitting* di rumah. Sebagai contoh : mengganti tangki-tangki tandas di rumah daripada *single-flush* ke *dual-flush*. Tandas *dual-flush* boleh memberikan pengguna pilihan untuk menekan butang kecil yang hanya menggunakan 3L / flush manakala sistem *single-flush* menggunakan lebih 6L / flush.

Inisiatif Jabatan Perkhidmatan Air dalam menyampaikan maklumat

Unit Penjimat Air menjalankan Program Penjimat Air ke sekolah-sekolah rendah mahupun sekolah menengah, dari tahun 2020 hingga sekarang, yang antara lain bertujuan untuk berkongsi cara-cara penjimat air bersama penuntut-penuntut sekolah dan memberikan informasi tentang asal usul air serta cara rawatan air agar penuntut lebih menghargai akan air. Selain daripada itu, Unit Penjimat Air juga akan membuat pengauditan air di sekolah-sekolah berkenaan bagi mengenal pasti sebarang kebocoran air.

Air merupakan sumber alam yang tidak ternilai harganya kepada semua hidupan di bumi ini. Sebagai pengguna, kita bertanggungjawab untuk berjimat dalam penggunaan air dan menghindar dari pembaziran.

NBD juga tidak akan terlepas daripada ancaman krisis air global. Justeru, setiap pengguna memainkan peranan yang penting dalam penjimat air. Secara kolektif, penggunaan air yang mampan akan memberi impak yang besar dalam memelihara bekalan air di NBD.

MEMBUDAYAKAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN JEMAAH MASJID

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Masin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran bagi Masjid Kampung Masin sempena penutup Tadarus Al-Quran bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan di masjid berkenaan.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 30 anak yatim Kampung Masin dan Bebatik Masin serta Ceramah Khas sempena memperingati Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1446H / 2025M.

Seramai 43 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid, Muslimah dan jemaah Masjid Kampung Masin menghadiri majlis tersebut.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Masin, Awang Jeffry bin Haji Metassim. Seterusnya, Majlis Khatam Al-Quran dikepalai oleh

pelapis Bilal, Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Abdullah.

Majlis Khatam Al-Quran diteruskan lagi dengan bacaan Takhtim yang dibawakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (Perantis), Awang Abdul Azim bin Haji Md. Azman, manakala Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Jeffry bin Haji Metassim.

Seterusnya, Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada 30 anak yatim Kampung Masin dan Bebatik Masin dan Ceramah Khas sempena memperingati Nuzul Al-Quran bagi tahun 1446H / 2025M yang disempurnakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatanarah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT), Awang Mohd. Rif'at Atiyah bin Haji Anwari.

Dalam ceramahnya, Awang Md. Rif'at Atiyah membahaskan tajuk 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' dan

SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran bagi Masjid Kampung Masin sempena penutup Tadarus Al-Quran bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diadakan di masjid berkenaan.

cara-cara mencintai dan mendampingi Al-Quran. Beliau juga mengongsikan kisah yang berkaitan dengan akal manusia seperti kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam yang mencari Tuhan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah undangan dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Bilal Masjid Kampung Masin, Awang Md. Hafizuddin bin Haji Zaidin.

Turut hadir bagi meraikan majlis berkenaan ialah Ketua Kampung Masin, Awang Mohammad Mu'iz Hafizuddin bin Moksin.

Dengan adanya majlis berkenaan, ia diharap dapat membudayakan pembacaan Al-Quran dalam kalangan jemaah masjid selaras dengan hasrat negara, iaitu Negara Zikir di samping menggalakkan penglibatan jemaah masjid dalam aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh pihak AJKT Masjid.




Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

www.mkkjr.gov.bn



MAJLIS juga diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada 30 anak yatim Kampung Masin dan Bebatik Masin.

Meningkatkan kesedaran kewajipan mengamalkan nilai keislaman

Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Mac. - Pihak Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini mengadakan Tadabbur Al-Quran sempena Sambutan Nuzul Al-Quran dan

diselajurkan dengan Khatam Tadarus Al-Quran.

Seramai 150 jemaah lelaki dan jemaah perempuan terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid UBD, Kumpulan Muslimah

Masjid UBD, penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba dan peserta lelaki serta peserta perempuan Khatam Al-Quran menghadiri majlis berkenaan.

Majlis berkenaan dikelolakan oleh AJKT UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis berkenaan, Pemangku Penghulu Mukim Gadong 'A', Awang Puspa Wira bin Haji Md. Noor.

Sementara itu, pihak Masjid UBD juga telah mengundang penceramah bagi menyampaikan Tadabbur Al-Quran sempena Nuzul Al-Quran bagi tahun 1446 Hijrah, iaitu Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Dato' Dr.



Haji Zulkifly bin Haji Muda.

Antara tujuan majlis berkenaan diadakan adalah untuk menyedarkan masyarakat terhadap kewajipan dan tanggungjawab mengamalkan nilai keislaman dalam kehidupan sehari-hari, selain mengimarahkan dan menghidupkan masjid pada malam-malam bulan Ramadan.

Di samping itu juga, bagi menyalurkan sedekah jariah orang ramai untuk tabung masjid yang akan digunakan bagi mengimarahkan masjid supaya pahalanya berterusan diterima oleh para penderma dan untuk mengeratkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur.



SERAMAI 150 jemaah lelaki dan jemaah perempuan menyertai Khatam Al-Quran berkenaan (kiri dan atas kanan).

PBB KURANGKAN KEHADIRAN DI GAZA SUSULAN KEMATIAN PETUGASNYA



HAMILTON (Kanada), 25 Mac. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres pada Isnin mengumumkan pengurangan kehadiran PBB di Gaza berikutnya peningkatan keganasan Israel dan ancaman terhadap petugas kemanusiaan, termasuk serangan ke atas kompleks PBB minggu lalu yang meragut nyawa seorang kakitangannya.

"Dalam tempoh seminggu lalu, Israel melancarkan serangan dahsyat ke atas Gaza, mengorbankan ratusan orang awam termasuk petugas PBB, tanpa sebarang bantuan kemanusiaan dibenarkan masuk sejak awal Mac," kata pejabat jurucakap Guterres dalam satu kenyataan yang dipetik Anadolu Ajansı.

Walaupun menegaskan bahawa PBB "tidak akan meninggalkan Gaza," kenyataan itu menyebut Guterres telah membuat keputusan sukar untuk mengurangkan kehadiran organisasi itu ketika

keperluan kemanusiaan semakin mendesak dan keimbangan terhadap keselamatan orang awam meningkat di wilayah itu.

"PBB tetap komited untuk meneruskan penyampaian bantuan yang menjadi keperluan utama penduduk Gaza," menurut kenyataan PBB.

Israel menyekat bantuan kemanusiaan ke Gaza selama lebih tiga minggu - tempoh terpanjang sejak 7 Okt 2023, ketika serangan besar-besaran bermula.

"Pegawai Israel berkata mereka akan meneruskan operasi ketenteraan di Gaza. Berdasarkan maklumat sedia ada, serangan ke atas kompleks PBB di Deir Al Balah pada 19 Mac berpuncak daripada tembakan kereta kebal Israel," katanya.

Guterres mengutuk keras serangan itu yang mengorbankan seorang kakitangan PBB dari Bulgaria dan mencederakan enam yang lain, sambil menegaskan bahawa lokasi kompleks itu telah diketahui pihak bertelaah.

Beliau turut menuntut siasatan menyeluruh dan bebas terhadap serangan Israel itu serta mengingatkan semua pihak bahawa mereka "terikat dengan undang-undang antarabangsa untuk melindungi kekebalan mutlak premis PBB."

"Semua negara mestil menggunakan pengaruh mereka untuk menghentikan konflik dan memastikan penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa - sama ada melalui tekanan diplomatik, ekonomi atau usaha menentang budaya yang bebas daripada hukuman," kata Guterres sambil menggesa agar penderitaan di Gaza dihentikan.

Sementara itu, jurucakap PBB Stephane Dujarric dalam sidang media memberitahu bahawa pengurangan kakitangan melibatkan kira-kira satu pertiga minggu ini dan berkemungkinan lebih banyak dalam beberapa hari akan datang.

"Ia langkah sementara. Kami berharap dapat mengembalikan

petugas ke Gaza secepat mungkin," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa terdapat sekitar 100 kakitangan antarabangsa di Gaza dan pengurangan ini dilakukan atas faktor keselamatan serta operasi.

Antara agensi PBB yang akan mengalami pengurangan staf termasuk Pejabat Penyelaras Hal Ehwal Kemanusiaan PBB

(OCHA), Program Makanan Sedunia (WFP), Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF), Pejabat Perkhidmatan Projek PBB (UNOPS), Dana Kependudukan PBB (UNFPA), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Program Pembangunan PBB (UNDP). - ©BERNAMA

Lebih 28,000 kes batuk kering direkodkan di Luanda, Angola pada 2024

LUANDA, 25 Mac. - Sebanyak 28,701 kes tuberkulosis atau batuk kering direkodkan di Luanda, Angola sepanjang 2024, lapor Xinhua memerlukan Agensi Akhbar Angola pada Isnin.

Dalam tempoh yang sama, seramai 1,040 pesakit meninggal dunia dengan kebanyakan kematian dikaitkan dengan diagnosis lewat dan pesakit hanya mendapatkan rawatan ketika berada dalam keadaan kritis, kata Pengarah Kesihatan Wilayah Luanda, Fernando Varela.

Luanda kini mempunyai 50 pusat kesihatan yang merawat batuk kering, namun memandangkan jumlah penduduk yang besar, pihak berkuasa merancang untuk meningkatkan jumlah itu kepada sekurang-kurangnya 20 peratus.

"Ramai pesakit datang dalam keadaan kritis dengan kerosakan paru-paru yang teruk dan kesukaran bernafas," katanya, sambil menambah bahawa peluasan perkhidmatan kesihatan dapat meningkatkan kesedaran awam dan pendidikan mengenai penyakit itu. - ©BERNAMA

Gempa bumi 7.0 skala richter gegar barat daya Riverton, New Zealand

HONG KONG, 25 Mac. - Gempa bumi berukuran 7.0 pada skala richter menggegarkan kawasan 159 kilometer barat daya Riverton, New Zealand pada 01:43:11 GMT, Selasa, menurut laporan Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

Pusat gempa dilaporkan terletak pada kedalaman 10.0 kilometer, dengan koordinat 46.70 darjah selatan dan 166.00 darjah timur, lapor Xinhua. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan di Okayama, Jepun terus merebak

TOKYO, 24 Mac. - Kebakaran hutan yang berlaku di kawasan pergunungan di Okayama City sejak hujung minggu lalu terus merebak, manakala usaha pemadam masih giat dijalankan, lapor Xinhua.

Kira-kira 250 hektar di Minami Ward, Okayama City serta sebahagian kawasan di Tamano City musnah sejak kebakaran tercetus pada Ahad.

Menurut penyarang nasional NHK, sebanyak enam bangunan termasuk rumah dan gudang terjejas dalam kebakaran itu, namun tiada kecederaan dilaporkan.

Pasukan bomba meneruskan operasi sepanjang malam dengan bantuan anggota tambahan dari kawasan berhampiran.

Sebanyak 10 helikopter, termasuk dari Pasukan Pertahanan Diri Jepun turut dikerahkan untuk membantu operasi pemadam.

Bagi mengurangkan risiko kebakaran merebak ke kawasan perumahan, pihak berkuasa Okayama City mengeluarkan arahan pemindahan melibatkan 403 keluarga, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Sektor pelancongan Australia bersedia untuk pertumbuhan apabila pelawat China melonjak

CANBERRA, 25 Mac. - Industri pelancongan antarabangsa Australia pulih dengan kuat daripada wabak COVID-19, dengan pelawat China mengatasi warga New Zealand sebagai kumpulan pelancong masuk terbesar di negara itu.

Pemandu pelancong yang berpangkalan di Brisbane, Wang Xi sedang sibuk menguruskan tempahan dan menyusun jadual perjalanan tersuai untuk pelancong China yang ingin meneroka Australia.

"Majoriti pelanggan Cina saya adalah profesional muda yang menggunakan cuti tahunan mereka untuk melancong dalam kumpulan kecil dua hingga enam orang, dan mereka memacu peningkatan

ketara dalam perbelanjaan untuk pengalaman hospitaliti dan pelancongan," kata Wang kepada Xinhua pada hari Isnin.

China telah menuntut semula kedudukannya sebagai sumber utama pelawat antarabangsa Australia buat kali pertama sejak wabak itu, mengatasi New Zealand. Menurut Biro Perangkaan Australia (ABS), 114,670 pelancong China tiba untuk lawatan jangka pendek pada Januari, mengatasi 96,250 ketibaan dari New Zealand.

Kebangkitan semula itu merupakan rangsangan besar bagi pengendali pelancongan, kerana pelawat China biasanya membelanjakan hampir dua kali ganda berbanding rakan sejawatan

mereka di New Zealand -- 5,081 dolar Australia setiap perjalanan berbanding 2,627 dolar Australia.

Pengarah Urusan Tourism Australia Phillipa Harrison mengalaukan lantang itu, dengan menyatakan bahawa ketibaan antarabangsa keseluruhan telah meningkat 17.6 peratus berbanding Januari 2024, menjadikan jumlah itu hampir kepada tahap pra-pandemi, menurut laporan media tempatan.

Walaupun A.S. kekal sebagai sumber ketibaan luar negara ketiga terbesar Australia, destinasi di seluruh Asia menunjukkan pertumbuhan paling kukuh, menurut ABS. (1 dolar Australia bersamaan dengan 0.63 dolar A.S.). - ©XINHUA

Kanak-kanak tiga tahun di Kemboja dijangkiti selesema burung H5N1

PHNOM PENH, 23 Mac. - Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun enam bulan dari wilayah Kratie, timur laut Kemboja, disahkan dijangkiti selesema burung H5N1, menjadikan jumlah kes kepada tiga setakat tahun ini, lapor Xinhua.

Dalam satu kenyataan pada Ahad, Kementerian Kesihatan memaklumkan kanak-kanak itu dibawa ke hospital dalam keadaan kritis dengan gejala demam, batuk dan sesak nafas. Beliau kini menerima rawatan perubatan

dengan penjagaan terbaik daripada sepasukan doktor.

"Siasatan mendapati keluarga pesakit menternak ayam dan kira-kira lima ekor ayam telah mati, manakala beberapa ekor lagi sakit. Ahli keluarganya memasak ayam yang telah mati itu untuk dimakan," menurut Kementerian Kesihatan.

Pihak berkuasa kesihatan sedang menyiasat punca jangkitan serta memeriksa sebarang kes yang disyaki atau individu yang mempunyai kontak dengan pesakit bagi mengelakkkan wabak

merebak dalam masyarakat, tambahnya.

Daripada tiga kes H5N1 dalam kalangan manusia setakat tahun ini, dua kes berakhir dengan kematian. Semua pesakit dilaporkan mempunyai sejarah terdedah kepada ungas yang sakit atau mati sebelum jatuh sakit.

Dari 2003 hingga kini, terdapat 75 kes jangkitan manusia dengan selesema H5N1, termasuk 45 kematian, menurut Kementerian itu. - ©BERNAMA

10 pelajar dibuang dari universiti di Lithuania akibat penyalahgunaan AI

VILNIUS, 24 Mac. - Seramai 10 pelajar Universiti Vilnius dibuang daripada universiti kerana melanggar peraturan penggunaan kecerdasan buatan (AI), lapor Lithuanian National Video and Television (LRT) pada Sabtu.

Menurut laporan itu, walaupun penggunaan AI tidak dilarang, terdapat pelajar yang

menggunakan secara tidak bertanggungjawab.

Naib Rektor Pengajaran Universiti Vilnius, Valdas Jaskunas berkata bahawa dalam tempoh setahun lalu, kira-kira 10 pelajar dibuang kerana menggunakan AI secara tidak wajar dalam tugas akademik mereka, termasuk dalam penulisan tesis akhir.

Penggunaan AI dianggap tidak wajar sekiranya pelajar gagal mendedahkan bahawa teknologi itu digunakan dalam kerja mereka, kata Jaskunas.

Cabarani serupa turut dihadapi oleh universiti lain.

"Para pensyarah berkata bahawa terdapat pelajar yang menggunakan AI, dan terdapat kes seorang pelajar diberikan

gred 'N' – yang menunjukkan ketidakjujuran akademik – dalam penilaian akhir mereka," kata Pengarah Direktorat Pengajaran di Vilnius Tech, Nora

Skaburskiene.

Menurut Vilnius Tech, AI paling kerap digunakan oleh pelajar dalam tugas dan sumber rujukan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



CHINA BERJAYA MERAIH PINGAT GANGSA DALAM WORLD WOMEN'S CURLING CHAMPIONSHIP



PEMAIN-pemain China meraikan pingat gangsa pada Kejohanan Curling Wanita Dunia pada 23 Mac 2025.

SEOUL, 24 Mac. - China meraih pingat gangsa pada World Women's Curling Championship dengan kemenangan 9-4 ke atas tuan rumah Korea Selatan pada Ahad, sekali gus mengesahkan tempat ke Sukan Olimpik Musim Sejuk Milan-Cortina 2026.

Selepas menduduki tempat kelima dalam peringkat round-robin dengan tujuh kemenangan dan lima kekalahan, China mencatatkan kemenangan semula menentang Sweden pada hari Sabtu, mara ke separuh akhir buat kali pertama dalam 14 tahun.

Walau bagaimanapun, kekalahan tipis kepada Switzerland membawa mereka

ke perlawanan tempat ketiga menentang Korea Selatan.

Korea Selatan, pemenang pingat gangsa Women's Curling World Championship 2024, sebelum ini telah menewaskan China dua kali tahun ini - sekali dalam perlawanan akhir Sukan Musim Sejuk Asia Harbin pada Februari dan sekali lagi semasa peringkat round-robin kejohanan ini.

Lima perlawanan pertama menyaksikan pertandingan yang sengit, dengan kedua-dua pasukan terikat 2-2. Korea Selatan menjaringkan dua mata pada hujung keenam untuk mendahului 4-2 tetapi China bertindak balas serta-merta,

memasuki penghujung akhir dengan kelebihan 6-4.

Pada penghujung ke-10, China melaksanakan strategi mereka dengan sempurna, menggunakan tiga batu di dalam rumah untuk menghalang lawan mereka. Percubaan terakhir Korea Selatan gagal untuk membersihkan batu, membolehkan China berhasil mendapatkan tiga mata dan melakar kemenangan 9-4.

Kemenangan ini bukan sahaja memastikan China mendapat tempat dalam Sukan Olimpik Musim Sejuk 2026 tetapi juga menandakan kembalinya mereka ke podium Kejohanan Dunia selepas 14 tahun. - ©XINHUA

MPL Malaysia kembali 19 April dengan dua fasa playoff

KUALA LUMPUR, 25 Mac. - Musim baharu Mobile Legends : Bang Bang Professional League (MPL) Malaysia yang bermula pada 19 April akan menyaksikan playoff dibahagikan kepada dua fasa.

Perlawanan playoff musim 15 yang ditetapkan untuk berlangsung sepanjang dua hujung minggu akan menyaksikan fasa satu berlangsung pada 30 dan 31 Mei manakala fasa dua pada 14 dan 15 Jun.

Ketua e-sukan (Inkubasi MY dan SEA) MOONTON Games, Siew Hao Zhen berkata mereka telah menyemak semula format playoff bagi meningkatkan lagi pengalaman peminat.

"Pada musim-musim sebelumnya, playoff akan berlangsung dari Khamis hingga Ahad, ini menyebabkan beberapa peminat tidak dapat menghadiri perlawanan hari minggu kerana komitmen seperti sekolah dan kerja."

"Sekarang kami akan

melakukannya pada kedua-dua hujung minggu, Sabtu dan Ahad. Kami percaya format baharu itu lebih sejarar dengan jenama liga kami sebagai komuniti inklusif dan mesra keluarga," katanya ketika ditemui pada Malam Iftar Infinix 2025 : Memperkasakan Masa Depan bersama MPL Malaysia, di sini, malam tadi.

Musim ke-15 akan kembali dengan format dua peringkat yang sama terdiri daripada musim biasa diikuti playoff di Stadium Juara, Bukit Kiara, di sini.

Musim biasa akan menampilkan 10 pasukan MLBB terbaik negara yang akan bersaing setiap minggu dari 19 April hingga 25 Mei, dan enam pasukan terbaik dari musim biasa akan mula ke playoff.

Perlawanan pertama pada 19 April akan menjadi pertembungan semula dua pasukan yang berentap pada perlawanan akhir musim lepas, SRG dan Team Vamos. - ©BERNAMA

Sementara itu Hao Zhen berkata mereka berbesar hati mengalu-alukan Infinix, jenama teknologi baharu muncul untuk menjadi rakan kongsi telefon pintar permainan rasmi untuk MPL Malaysia.

Pengarah pemasaran Infinix Malaysia, Wai Kiat Hong berkata kerjasama dengan MOONTON Games merupakan langkah besaruntuk membentuk masa depan e-sukan di Malaysia, membawa inovasi kepada permainan mudah alih dan memastikan komuniti e-sukan mendapat akses kepada teknologi permainan terbaik.

Ditubuhkan pada 2014, MOONTON ialah syarikat permainan video global yang mengkhusus kepada pembangunan permainan, penerbitan dan e-sukan.

Mobile Legends : Bang Bang ialah permainan utama semasa dan permainan arena pertempuran dalam talian berbilang pemain mudah alih (MOBA) terkemuka di seluruh dunia. - ©BERNAMA

England catat kemenangan kedua kelayakan piala dunia dalam tempoh empat hari

LONDON, 25 Mac. - England mencatatkan kemenangan kedua pada aksi kelayakan Piala Dunia dalam tempoh empat hari apabila menewaskan Latvia 3-0 di Stadium Wembley, lapor PA Media/dpa.

Jaringan Reece James menerusi sepakan percuma meletakkan England di depan, dengan Harry Kane menjaringkan gol ke-71 buat negaranya manakala pemain gantian Eberechi Eze mencatat gol sulung di peringkat antarabangsa.

Albania bangkit daripada kekalahan 0-2 kepada England dalam aksi pembukaan kelayakan apabila menewaskan Andorra 3-0 di laman sendiri dalam saingan Kumpulan K.

Rey Manaj menjaringkan dua gol dalam tempoh 20 minit pada separuh masa pertama sebelum Myro Uzuni melengkapkan kemenangan bergaya dengan gol pada masa tambahan.

Dalam Kumpulan G, Finland gagal mempertahankan kelebihan dua gol apabila terikat 2-2 dengan Lithuania.

Gol awal Kaan Kairinen dan Joel Pohjanpalo meletakkan Finland di depan, namun Armandas Kucys merapatkan kedudukan sebelum rehat dan Gvidas Gineitis menyamakan kedudukan pada minit ke-69.

Poland mencatat kemenangan kedua berturut-turut selepas menewaskan Malta 2-0 hasil dua jaringan Karol Swiderski, manakala Bosnia-Herzegovina mengatasi Cyprus 2-1 dalam aksi Kumpulan H.

Ermedin Demirovic membuka jaringan untuk tuan rumah sebelum Ioannis Pittas menyamakan kedudukan, namun Haris Hajradinovic memastikan kemenangan Bosnia-Herzegovina menerusi gol pada minit ke-56.

Sementara itu, dalam aksi kumpulan sama, Romania tidak menghadapi masalah apabila mencatat kemenangan besar 5-1 di tempat lawan ke atas San Marino, dengan Razvan Marin, Ianis Hagi dan Denis Alibec muncul sebagai antara penjaring gol. - ©BERNAMA